

EMBARGO

**TIDAK BOLEH DISIARKAN SEBELUM
JAM 11.30 PAGI, HARI KHAMIS 29
NOVEMBER 2018**

SILA SEMAK SEMASA UCAPAN

UCAPAN BELANJAWAN JOHOR 2019

TEMA:

**“MENERAJUI PERUBAHAN,
MENGALAS HARAPAN BANGSA JOHOR BESTARI”**

OLEH:

**YAB DATO' HAJI OSMAN BIN HAJI SAPIAN
MENTERI BESAR JOHOR**

**MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2019) BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14
29 NOVEMBER 2018 / 21 RABIULAWAL 1440H**

KANDUNGAN

BAHAGIAN

- 1 MUKADIMAH
- 2 SENARIO EKONOMI SEMASA DUNIA, NEGARA DAN NEGERI JOHOR
- 3 SENARIO KEWANGAN NEGERI JOHOR
- 4 TERAS BELANJAWAN NEGERI JOHOR 2019 DAN TITIK FOKUS
- 5 PENUTUP

Bismillahirrahmannirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

dan Salam Sejahtera

Yang Berhormat Tuan Speaker,

MUKADIMAH

1. Segala puji bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian alam. Selawat dan salam buat junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat Baginda.
2. Saya mengambil kesempatan ini, untuk memanjatkan setinggi-tinggi penghargaan dan menzahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas izin dan limpah kurniaNya jua, kita dapat hadir bersama-sama pada sesi pembentangan Belanjawan Negeri Johor bagi tahun 2019.
3. Sebelum saya memulakan bicara, izinkan saya membacakan maksud firman Allah dalam surah Al-Imran ayat ke-26 iaitu:

“Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan. Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkau juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.

4. Pembentangan belanjawan kali ini merupakan satu lagi detik penting dalam pentadbiran negeri Johor pasca 9 Mei, Ahli falsafah George Santayana ada menyatakan *“those who cannot remember the past are condemned to repeat it”*. Pengajaran daripada sejarah adalah sesuatu yang harus dijadikan teladan.
5. Mengambil iktibar daripada apa yang berlaku, saya selaku Ketua Eksekutif Kerajaan Negeri Johor, bersama barisan kepimpinan Majlis Mesyuarat Kerajaan, beriltizam menterjemah semangat pembaharuan Pakatan Harapan yang akan dizahirkan dalam

pembentangan Belanjawan Johor 2019 yang merentasi pelbagai lapisan masyarakat di segenap daerah.

6. Umum serba maklum, kerajaan negeri yang ada pada hari ini merupakan kerajaan baharu yang mengambil alih tampuk pentadbiran yang telah sekian lama berkuasa. Kita akui banyak kemajuan yang telah dilakukan. Mana-mana inisiatif yang baik akan diteruskan malah ditambahbaik manakala yang buruk dijadikan sempadan.
7. Saya juga memberi komitmen bahawa kerajaan negeri di bawah Pakatan Harapan akan memegang kuat kepada Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor yang diasaskan pada 14 April 1895. Sesungguhnya Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor adalah tiang seri dan menggambarkan ketinggian sebuah peradaban politik yang ditunjangi oleh Kesultanan Johor Moden.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

8. Bersempena dengan sambutan ulangtahun Hari Keputeraan Rasmi Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, yang ke-60 pada 22 November lalu, patik bagi pihak kerajaan negeri dan seluruh Bangsa Johor merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih dan berdoa semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku berada dalam keadaan sihat sejahtera, dilanjutkan usia untuk terus memerintah di atas takhta kerajaan bagi menaungi sekalian rakyat dengan adil dan saksama. Mudah-mudahan dengan berkat kepimpinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Negeri Johor akan terus maju, moden dan progresif dengan rakyat Bangsa Johor yang bersatu padu. Daulat Tuanku.
9. Alhamdulillah, melepasi tempoh 180 hari atau setengah tahun, pentadbiran Kerajaan Negeri Johor sentiasa berusaha gigih dan berikhtiar untuk memastikan segala apa yang dijanjikan dalam Manifesto Pakatan Harapan akan dilaksanakan dengan sebaiknya. Sepanjang tempoh tersebut, saya bersama anggota pentadbiran mencurahkan tenaga dan usaha untuk mendengar sebanyak mungkin idea, mendekati rakyat dan merumuskan apakah bentuk kebijakan yang harus diambil serta permasalahan yang perlu ditangani segera.

10. Saya ingin menarik perhatian seluruh Ahli Dewan yang mulia ini, dengan mengimbas kembali pentadbiran Kerajaan Negeri Johor di bawah Pakatan Harapan. Syukur ke hadrat Allah SWT, Kerajaan Negeri Johor di bawah Pakatan Harapan telah berjaya melaksanakan janji-janjinya sepertimana yang terkandung dalam 10 manifesto 100 hari. Hakikatnya, Johor merupakan negeri pertama berjaya menunaikan kesemua janji dalam tempoh 100 hari.
11. Seterusnya, Kerajaan Negeri Johor tidak berlengah-lengah lagi untuk menyusun dan melaksanakan gerak kerja bagi memenuhi janji manifesto dalam tempoh lima tahun. Inisiatif ini perlu dibuat secara terancang, tersusun dan strategik. Kerajaan Negeri Johor berpegang kepada tiga teras utama yang menjadi perjuangan Pakatan Harapan iaitu:
 - i) Meringankan beban kos kehidupan rakyat.
 - ii) Mereformasi institusi pentadbiran dan politik.
 - iii) Merancang pertumbuhan ekonomi yang adil dan saksama.
12. Komitmen ini bakal diterjemah dalam setiap program dan dasar-dasar yang akan dilaksanakan. Oleh itu, Belanjawan Johor 2019 digunakan sepenuhnya bagi membantu rakyat dalam mendepani cabaran ekonomi semasa dan mendatang.
13. Sehubungan itu, dalam tempoh lima tahun ini, Kerajaan Negeri Johor akan berusaha dengan sebaiknya untuk menjayakan manifesto Pakatan Harapan Negeri Johor.
14. Berdasarkan latar belakang inilah, saya telah melancarkan gerak kerja Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030 pada 18 Ogos lalu, yang merupakan pelan jangka panjang yang akan memandu strategi pembangunan menyeluruh Johor. Pelan ini dibangunkan berasaskan cogan kata “Negeri Berprestasi Tinggi, Bangsa Johor Bestari”.
15. Pelan tersebut merupakan dokumen rujukan yang komprehensif dan akan memacu pembangunan Negeri Johor yang dinamik serta memastikan kesejahteraan rakyat yang menjadi keutamaan kepada Kerajaan Negeri Johor di bawah Pakatan Harapan. Pelan tersebut mempunyai lapan teras iaitu:
 - I. Pembangunan lestari.
 - II. Pemuliharaan sumber.

- III. Penggerak zon perdagangan dan komuniti digital.
- IV. Demokrasi dinamik dan kesaksamaan sosial.
- V. Memodenkan sistem pendidikan Islam, modal insan dan warisan budaya.
- VI. Urus tadbir cekap, berintegriti dan demokratik.
- VII. Pesona srikandi.
- VIII. Inspirasi idealis anak muda.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

- 16. Dalam pembentangan belanjawan ini, kerajaan negeri mengambil kira maklum balas dari suara rakyat berdasarkan falsafah demokrasi, “dari rakyat, untuk rakyat dan kepada rakyat”. Suara rakyat Johor ini diperolehi menerusi bancian yang dijalankan di media sosial sejak bulan Ogos lalu untuk merangka Belanjawan Johor 2019.
- 17. Secara keseluruhan, terdapat 3,193 maklum balas yang diterima menerusi *google form* dan e-mel. Antara perkara yang menjadi perhatian awam termasuklah aspek perumahan, pendidikan, kos sara hidup, peluang pekerjaan, kesihatan, keusahawanan, sistem pengangkutan awam, serta pembangunan belia dan wanita.
- 18. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor, yang turut mencadangkan, penambahan biasiswa pendidikan dan penambahbaikan fasiliti kesihatan. Ini menunjukkan Baginda prihatin terhadap kesejahteraan hidup rakyat.
- 19. Justeru, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang idea dan pemikiran yang bernas ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

TERAS STRATEGIK BELANJAWAN JOHOR 2019

- 20. Bagi pihak Kerajaan Negeri Johor saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih khususnya kepada YAB Perdana Menteri Malaysia dan YB Menteri Kewangan serta barisan anggota kabinet Kerajaan Persekutuan di atas pembentangan Belanjawan

Kerajaan Persekutuan pada 2 November 2018, yang tidak melupakan negeri Johor keseluruhannya.

21. Dalam pembentangan Belanjawan ini, saya mengambil kira penekanan yang digariskan menerusi dokumen Belanjawan Persekutuan 2019 yang telah dibentangkan oleh YB Menteri Kewangan tempoh hari. Kita juga meneliti laporan separuh penggal Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 18 Oktober 2018.
22. Menerusi kedua-dua dokumen berkaitan, kita dapat menganalisis penekanan oleh kerajaan persekutuan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan menangani kos sara hidup khususnya kepada golongan B40, pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan pengurusan perkhidmatan awam yang cekap.
23. Di dalam merangka Belanjawan Johor 2019, kerajaan negeri telah menggariskan enam teras strategik bagi memacu pembangunan menyeluruh negeri. Enam teras yang dimaksudkan itu adalah;

TERAS PERTAMA	:	MENJAMIN KESEJAHTERAAN RAKYAT
TERAS KEDUA	:	PEMBANGUNAN LESTARI DAN PEMULIHARAAN SUMBER
TERAS KETIGA	:	PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, PENGGERAK ZON PERDAGANGAN DAN KOMUNITI DIGITAL
TERAS KEEMPAT	:	DEMOKRASI DINAMIK DAN KESAKSAMAAN SOSIAL
TERAS KELIMA	:	MEMODENKAN SISTEM PENDIDIKAN ISLAM, MODAL INSAN DAN WARISAN BUDAYA
TERAS KEENAM	:	URUS TADBIR CEKAP, BERINTEGRITI DAN DEMOKRATIK

24. Kesemua inisiatif yang terkandung di dalam enam teras di atas merupakan usaha dan iltizam Kerajaan Negeri Johor yang bermatlamat tidak lain tidak bukan untuk menjamin pembangunan ekonomi yang mampan bagi memastikan harapan rakyat untuk hidup dengan lebih sejahtera, bahagia dan makmur.

25. Secara keseluruhannya belanjawan kali ini merangkumi 28 sektor dan 207 titik fokus berdasarkan enam teras strategik. Ia hasil garapan daripada suara rakyat Johor dan juga Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

26. Sebelum saya membentangkan secara terperinci belanjawan 2019, izinkan saya untuk menjelaskan **SENARIO EKONOMI SEMASA DUNIA, NEGARA DAN NEGERI JOHOR.**
27. Perkembangan ekonomi dunia yang masih dalam fasa pemulihan dari kelembapan pertumbuhan pada 2016, iaitu yang paling perlahan sejak krisis kewangan global 2009, dijangka akan terus mengekalkan momentum pertumbuhan yang perlahan. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah menurunkan anggaran pertumbuhan global daripada 3.9% kepada 3.7% bagi tahun 2018 dan tahun 2019.
28. Perkara ini adalah disebabkan faktor luar jangka terutama perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China serta dasar monetari yang ketat oleh Amerika Syarikat. Ia juga telah memberikan tanda-tanda awal dan kesan terhadap perkembangan eksport dunia yang turut memberi impak kepada Malaysia.
29. Bagi ekonomi negara-negara maju, keadaan pasaran pekerja yang baik dan kadar pengangguran yang rendah, menyokong penggunaan domestik terutamanya di negara-negara Eropah. Manakala pertumbuhan di rantau Asia pula adalah lebih sederhana. Contohnya, negara China yang mencatat pertumbuhan lebih perlahan kerana dasar kawalan kredit yang telah menjejaskan pelaburan dalam negeri.
30. Dalam konteks Malaysia, kita tidak dapat mengelak daripada aliran keluar modal asing akibat dasar-dasar monetari dari negara-negara ekonomi besar. Meskipun menghadapi tekanan, prestasi matawang ringgit dan pasaran ekuiti Malaysia adalah yang terbaik dalam kalangan negara Asean dan negara membangun yang lain bagi tahun ini, sepertimana laporan yang dibentangkan dalam ucapan Belanjawan Persekutuan 2019. Ini jelas menunjukkan bahawa keyakinan pelabur tempatan dan asing terhadap kerajaan di bawah pimpinan Pakatan Harapan.

31. Pada peringkat kerajaan persekutuan pula, penyesuaian dan penangguhan projek-projek besar sepertimana diumumkan adalah merupakan langkah berjimat cermat dan boleh memperlambatkan pertumbuhan ekonomi, tetapi ia hanya bersifat sementara. Kerajaan negeri yakin dengan langkah membasmi ketirisan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang lebih baik dan berkeutamaan, dapat menyumbang bukan sahaja kepada statistik ekonomi bahkan kepada peningkatan kuasa beli rakyat.
32. Berikutan cabaran ekonomi global dan unjuran yang lebih perlahan dalam sektor perdagangan antarabangsa oleh IMF, pertumbuhan ekonomi Malaysia telah pun disemak semula kepada 4.8% berbanding unjuran awal iaitu 5.0% bagi tahun 2018. Manakala bagi tahun 2019, ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar 4.9% dalam persekitaran ekonomi global yang tidak menentu dan langkah konsolidasi fiskal yang sedang diambil.
33. Bagi ekonomi Negeri Johor pula, biarpun turut terkesan dengan perkembangan ekonomi global dan langkah penyesuaian di peringkat kerajaan persekutuan, pertumbuhan bagi tahun 2018 adalah diunjurkan pada kadar 5.0% hingga 5.2%, iaitu lebih tinggi dari kadar nasional.
34. Keadaan ini disumbangkan oleh antaranya, faktor ekonomi Johor yang digerakkan oleh kekuatan kepelbagaian sumber ekonomi dan tidak terlalu tertumpu kepada hanya satu sektor pemacu. Kesemua sektor diunjurkan berkembang pada kadar memberangsangkan kecuali sektor pembinaan dan segmen hartanah yang berkembang agak perlahan dan turut dirasai di seluruh negara.
35. Sektor perkhidmatan pula terus kekal memacu pertumbuhan negeri dengan sumbangan sebanyak 48% atau RM56 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri secara keseluruhan. Manakala sektor perindustrian pula menyumbang sebanyak 37% atau RM43 bilion kepada KDNK negeri.
36. Kadar pengangguran bagi Negeri Johor bagi tahun 2018 adalah pada kadar 3.2%, lebih baik daripada kadar pengangguran tahun 2017 iaitu 3.4%.

37. Bagi tahun 2019 pula, ekonomi Negeri Johor dijangka berkembang pada kadar 5.0% hingga 5.5%, lebih baik daripada kadar nasional, yang mengambilkira struktur dan asas ekonomi Johor dan jangkaan bermulanya Projek Minyak dan Gas di Pengerang.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Izinkan saya membentangkan **SENARIO KEWANGAN NEGERI JOHOR** pada masa kini.

38. Jumlah rizab kerajaan negeri bagi ketiga-tiga kumpulan wang disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2017 adalah berjumlah RM2,424.68 juta.
39. Sehingga 18 November 2018, prestasi kewangan negeri telah berjaya mencatatkan lebih sebanyak RM150.85 juta. Belanja mengurus sudah mencapai 75.88% dan belanja pembangunan pula mencatat 58.86%.
40. Manakala kutipan sebenar hasil negeri mencatatkan sebanyak RM1,309.98 juta iaitu 87.08% daripada anggaran hasil bagi tahun 2018 iaitu sebanyak RM1,504.33 juta.
41. Hasil cukai memperolehi kutipan sebanyak RM476.46 juta (36.37%), hasil bukan cukai mencatatkan RM610.69 juta (46.62%) dan terimaan bukan hasil pula berjumlah RM222.82 juta (17.01%).
42. Kutipan hasil negeri bagi tahun 2019 dianggarkan mencapai RM1,552.78 juta. Ini bermaksud berlaku kenaikan anggaran kutipan hasil sebanyak 3.2% berbanding 2018. Hasil cukai tanah dianggarkan pada RM404.81 juta, yang menyumbangkan sebanyak 26.07% daripada keseluruhan anggaran hasil.
43. Berdasarkan kedudukan kewangan negeri yang terus berdaya tahan, maka kerajaan mencadangkan anggaran belanja pada tahun 2019 adalah sebanyak RM1,549.34 juta. Jumlah ini mencatatkan peningkatan sebanyak RM46.15 juta.
44. Belanjawan 2019 dijangka akan mengalami lebihan atau *surplus* sebanyak RM3.43 juta berpunca dari dasar fiskal negeri yang berkesan dengan melaksanakan perbelanjaan berhemah dan berintegriti serta pengurusan cekap atas hasil yang mampan.

45. Sejumlah RM949.34 juta, tidak termasuk caruman kepada kumpulan wang pembangunan diperuntukkan bagi tujuan belanja mengurus. Pecahan perbelanjaan belanja mengurus adalah seperti berikut:
- i. Emolumen sebanyak RM496.16 juta;
 - ii. Perkhidmatan dan bekalan sebanyak RM259.86 juta;
 - iii. Aset sebanyak RM13.68 juta;
 - iv. Perbelanjaan lain sebanyak RM179.64 juta.
46. Bagi perbelanjaan pembangunan tahun 2019, kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak RM600 juta melalui caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan.
47. Saya juga ingin berkongsi berita gembira buat semua rakyat Johor tentang **PELUPUSAN HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN.**
48. Sejak mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri Johor, barisan kepimpinan negeri komited untuk menjayakan dasar urus tadbir yang telus, berintegriti, cekap, berkesan dan akauntabiliti. Justeru itu, kerajaan negeri telah menyemak semula dasar dan pembiayaan kewangan dengan mengetengahkan projek-projek berdaya maju demi memenuhi kesejahteraan rakyat.
49. Dengan sokongan jitu dari barisan kepimpinan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri Johor, barisan anggota Perkhidmatan Awam Johor, disertai dengan sokongan padu menerusi muafakat Bangsa Johor, dengan ini saya mengisytiharkan kerajaan persekutuan bersetuju untuk melupuskan hutang lapuk kerajaan negeri sebanyak RM189 juta.
50. Maka dari jumlah asal hutang kerajaan persekutuan sebanyak RM334 juta itu, persetujuan penyelesaian ke atas jumlah baki hutang sebanyak RM145 juta ini pula, telahpun diusahakan dan pada peringkat akhir rundingan untuk dilupuskan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Insyaallah, barisan kepimpinan kerajaan negeri beriltizam untuk menjadikan negeri kita bebas hutang mulai tahun-tahun berikutnya.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

TERAS PERTAMA: MENJAMIN KESEJAHTERAAN RAKYAT MERINGANKAN KOS SARA HIDUP

51. Tanpa membuang masa, izinkan saya memperincikan Belanjawan Johor 2019. Di bawah teras yang pertama, saya ingin mendahulukan agenda meringankan kos sara hidup. Kerajaan sentiasa mengambil maklum bahawa rakyat adalah tonggak pembangunan sesebuah negara. Jatuh bangunnya sesebuah negara itu ditentukan oleh rakyat.
52. Oleh yang demikian, kerajaan sentiasa mendengar keluh kesah rakyat terutamanya melibatkan kos sara hidup. Menginsafi permasalahan yang dihadapi oleh rakyat, kerajaan negeri di bawah Pakatan Harapan telah menawarkan 10 Manifesto 100 hari khusus untuk negeri Johor yang telah berjaya dilaksanakan dalam tempoh yang disasarkan.
53. Pelaksanaan Manifesto Pakatan Harapan didapati jelas telah dapat memberi manfaat kepada segenap lapisan masyarakat termasuk golongan B40, penerima bantuan e-kasih, para pelajar, penjaja kecil, golongan muda malahan mereka yang akan berkahwin juga kita bantu. Sehubungan itu, kerajaan negeri akan meneruskan pemberian bantuan seperti yang dilaksanakan pada tahun 2018 dengan peruntukan sebanyak RM32.9 juta yang melibatkan inisiatif-inisiatif seperti berikut:
 - i. Pemberian 10 meter padu air percuma kepada golongan B40 dengan penggunaan bulanan kurang daripada 35 meter padu.
 - ii. Skim takaful warga emas yang memberikan manfaat bantuan RM1 ribu kepada waris.
 - iii. Insentif Harapan Johor iaitu bantuan kewangan kepada pelajar dari keluarga berpendapatan isi rumah di bawah RM4 ribu, yang mana bantuan sebanyak RM500 bagi peringkat diploma dan RM1 ribu bagi peringkat ijazah.
 - iv. Program Kad Sihat Johor yang dimulakan pada Ogos 2018 kepada golongan miskin dan miskin tegar, akan diperluaskan kepada lebih ramai penerima dari golongan B40 pada tahun 2019.

- v. Di bawah insentif perkahwinan berkelompok, kerajaan negeri bersetuju untuk menawarkan kursus perkahwinan secara percuma kepada rakyat Johor dan bermastautin di negeri ini.
54. Selain daripada inisiatif-inisiatif tersebut, kerajaan negeri turut memberi penekanan untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut:
- i. Meneruskan insentif pemberian baucar RM1 ribu kepada pembeli Rumah Mampu Biaya bagi mengurangkan beban pembeli untuk memasuki rumah baharu.
 - ii. Kerajaan negeri juga akan meneruskan bantuan khas nelayan yang terjejas kerana pelbagai aktiviti pembangunan di selatan Johor sebanyak RM1 ribu seorang kepada 1,800 nelayan berdaftar melibatkan peruntukan sebanyak RM1.8 juta. Di samping itu, kerajaan negeri turut memperuntukkan RM500 ribu bagi program penghakupayaan seperti latihan keusahawanan dan bantuan pembelian peralatan.
 - iii. Memperluas Program Pertanian Bandar Iskandar Malaysia. Penambahbaikan ini melibatkan pertambahan lokasi dan kumpulan sasar, jenis tanaman dan aktiviti pertanian, penggunaan inovasi dan teknologi dengan peruntukan sebanyak RM3 juta.
 - iv. Menggalakkan dan mengupayakan Koperasi Komuniti Johor. Kerajaan negeri akan memberikan geran padanan RM1 juta bagi menggalakkan dan mengupayakan aktiviti-aktiviti perniagaan koperasi di kawasan bandar dan luar bandar.
55. Selain daripada inisiatif-inisiatif yang dinyatakan, isu-isu berkaitan kos sara hidup rakyat tetap menjadi keutamaan dalam belanjawan ini dan merentasi keenam-enam teras strategik Belanjawan Negeri Johor 2019 yang akan saya perincikan selepas ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

56. Dalam usaha memastikan rakyat negeri ini memiliki kediaman yang selesa yang kini dilihat sebagai keperluan, kerajaan negeri akan **MEREFORMASI SEKTOR PERUMAHAN**. Antara strategi yang dicadangkan ialah untuk mencapai sasaran

penyediaan 100 ribu unit Rumah Mampu Biaya menjelang tahun 2023. Untuk makluman, sehingga Oktober 2018, sebanyak 3,714 unit Rumah Mampu Biaya telah siap dibina.

57. Bagi tahun 2019 hingga tahun 2020, sebanyak 12,320 unit Rumah Mampu Biaya akan siap dibina. Manakala bagi tahun 2021 hingga tahun 2023 sebanyak 7,609 unit akan siap dibina. Jumlah keseluruhan yang akan siap dibina adalah sebanyak 23,643 unit. Kerajaan sedar atas kekurangan Perumahan Mampu Biaya yang disasarkan. Namun kerajaan telah menggariskan empat strategi bagi menampung kekurangan tersebut. Berikut merupakan strategi yang akan dilaksanakan:

Pertama: Pengambilan Tanah Bagi Pembinaan Rumah Mampu Biaya

58. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM87 juta bagi mengambil balik tanah-tanah untuk maksud pembinaan Perumahan Mampu Biaya. Melalui pengambilan tanah-tanah ini, kerajaan akan membina Perumahan Mampu Biaya di atas tanah-tanah tersebut yang akan dimajukan oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan Johor.

Kedua: Pembangunan Rumah Mampu Biaya oleh Pemaju Swasta

59. Dengan kerjasama pihak pemaju swasta, setiap pembangunan yang akan dibina oleh pihak pemaju perlulah menyediakan komponen Perumahan Mampu Biaya sebanyak 40%.

Ketiga: Usaha sama antara Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Persekutuan

60. Kerajaan negeri menyambut baik dan mengalu-alukan kerjasama kerajaan persekutuan bagi memenuhi impian rakyat untuk memiliki kediaman yang selesa dengan harga berpatutan. Perkara ini dapat direalisasikan melalui penyediaan dana RM1.5 bilion yang telah diumumkan oleh kerajaan persekutuan bagi membina dan menyiapkan Rumah Mampu Biaya di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM), PRIMA dan Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB).

Keempat: Pelaksanaan Projek-projek Penswastaan

61. Antara strategi kerajaan dalam menambah bilangan Rumah Mampu Biaya adalah melalui kaedah projek penswastaan. Kerajaan negeri akan bekerjasama dengan Syarikat

Berkaitan Kerajaan Johor (GLC), serta pemaju-pemaju swasta bagi menampung permintaan Rumah Mampu Biaya di seluruh Negeri Johor. Bagi tujuan rekod, melalui projek-projek penswastaan kerajaan negeri, sebanyak 1,794 unit Perumahan Mampu Biaya sedang dibina di beberapa daerah antaranya Johor Bahru, Kota Tinggi dan Segamat. Perumahan ini dijangka siap di antara tahun 2020 hingga 2023.

MEMPERKASAKAN DASAR PERUMAHAN RAKYAT JOHOR

Pertama: Meningkatkan Kadar Caj Gantian Perumahan Mampu Biaya

62. Bagi memastikan matlamat kerajaan dalam menyediakan Perumahan Mampu Biaya tercapai, kerajaan telah menetapkan untuk mengenakan caj gantian bagi setiap kekurangan komponen Perumahan Mampu Biaya yang tidak dibina oleh pihak pemaju.
63. Mulai tahun hadapan, kerajaan negeri telah menetapkan untuk menaikkan caj gantian dari RM40 ribu kepada RM60 ribu bagi setiap unit rumah yang tidak dibina. Namun begitu pihak pemaju diberi kelonggaran terhadap kaedah pembayaran. Jika pihak pemaju membayar secara pukal caj yang akan dikenakan adalah sebanyak RM40 ribu seunit. Manakala jika pembayaran secara ansuran, caj yang akan dikenakan adalah sebanyak RM60 ribu seunit.

Kedua: Memperkemas Mekanisme Pemantauan Pembangunan Perumahan Mampu Biaya

64. Selain meningkatkan caj gantian, pihak pemaju tidak lagi dibenarkan membina Rumah Mampu Biaya di fasa akhir pembangunan. Setiap fasa yang dibangunkan perlu mempunyai komponen Perumahan Mampu Biaya. Kerajaan negeri akan sentiasa memantau perkembangan pembangunan Perumahan Mampu Biaya melalui Jawatankuasa 'Taskforce' Perumahan Johor bagi memastikan matlamat 100 ribu Rumah Mampu Biaya tercapai.

Ketiga: Pelaksanaan Kaedah Sistem Pembinaan Berindustri (IBS)

65. Selaras dengan ketetapan Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan ke-71, jemaah menteri telah menetapkan untuk mewajibkan pelaksanaan penggunaan IBS

terhadap projek sektor swasta yang bernilai RM50 juta dan ke atas. Kerajaan negeri akan menimbangkan keputusan ini bagi memastikan pelaksanaan pembangunan Rumah Mampu Biaya dibina dengan menggunakan kaedah IBS dan secara tidak langsung akan dapat disiapkan dengan tempoh masa yang singkat dengan kos yang lebih menjimatkan.

Keempat: Memperkenalkan Perumahan untuk Golongan M40

66. Di Negeri Johor, golongan yang berpendapatan isi rumah antara RM8 ribu hingga RM10 ribu merupakan sebahagian daripada golongan M40. Sejak kebelakangan ini, kita sering mendengar rungutan daripada golongan ini kerana mereka tidak layak membeli Rumah Mampu Biaya yang berharga RM42 ribu hingga RM150 ribu. Pada masa yang sama, mereka tidak mampu bersaing secara terbuka bagi memiliki kediaman mengikut harga pasaran semasa yang tinggi. Oleh itu, satu kategori Rumah Mampu Biaya yang baharu berharga RM250 ribu hingga RM300 ribu dibina khusus untuk golongan ini.

Kelima: Mengekalkan komponen Perumahan Mampu Biaya bagi segmen sedia ada

67. Kerajaan terus mengekalkan peruntukan komponen perumahan mampu biaya antaranya bagi golongan B40. Harga rumah yang ditetapkan adalah bermula dari harga RM42 ribu, RM80 ribu dan RM150 ribu.

Keenam: Kaedah Pengagihan Rumah

68. Selaras dengan Manifesto Pakatan Harapan Johor telah memutuskan Kuota Menegak Kerajaan (KMK) di dalam pengagihan Rumah Milik Johor sebelum ini dimansuhkan. Satu kaedah agihan yang lebih telus diperkenalkan. Sistem ini diberi nama Sistem Perumahan Mampu Biaya Johor. Sistem ini merupakan satu kaedah penawaran secara undian terbuka. Orang awam boleh melihat sendiri bagaimana proses pengagihan serta kaedah undian dilaksanakan. Pemohon yang layak boleh memohon dan memilih unit rumah daripada projek yang ditawarkan melalui portal ***erumah.johor.gov.my***. Proses saringan akan dilakukan bagi memastikan bakal pembeli adalah layak serta melepasi syarat yang telah ditetapkan. Pemohon yang telah melepasi saringan kelayakan akan diminta hadir semasa hari undian.

69. Kerajaan negeri juga menginsafi tentang masalah rakyat dalam aspek **PEMBIAYAAN HARTANAH KEDIAMAN**. Justeru, kerajaan mencadangkan beberapa strategi iaitu:

Pertama: Peruntukan RM1 bilion bagi Pembiayaan Rumah Mampu Biaya Berharga Sehingga RM150 ribu

70. Selaras dengan ucapan Belanjawan Negara 2019, kerajaan persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM1 bilion khusus untuk membantu golongan yang berpendapatan tidak lebih daripada RM2,300 sebulan untuk memiliki rumah buat kali pertama. Kerajaan negeri akan memanfaatkan dana berjumlah RM1 bilion yang disediakan oleh Bank Negara untuk pembelian Rumah Mampu Biaya berharga sehingga RM150 ribu.
71. Skim pinjaman ini tersedia di beberapa buah bank seperti AmBank, CIMB Bank, Maybank, RHB Bank dan BSN melalui kadar pembiayaan serendah 3.5%. Ini akan mengurangkan jumlah bayaran ansuran bulanan pembiayaan oleh peminjam untuk memiliki rumah dan seterusnya lebih mudah mendapat pembiayaan.

Kedua: Jaminan Cagaran

72. Kerajaan negeri juga menyambut baik inisiatif dari kerajaan persekutuan melalui penyediaan peruntukan sebanyak RM25 juta kepada Cagamas Berhad bagi menyediakan jaminan pajak gadai untuk membolehkan peminjam mendapat pembiayaan yang lebih tinggi termasuk bayaran deposit bagi pembelian rumah kediaman. Skim ini disediakan kepada pembelian rumah pertama, bagi golongan yang berpendapatan isi rumah sehingga RM5 ribu sebulan.

Ketiga: Penjanaan Dana Masyarakat untuk Hartanah (*Property Crowdfunding*)

73. Selari dengan dasar kerajaan persekutuan, penjanaan dana masyarakat untuk hartanah turut diteroka oleh Kerajaan Negeri Johor. Hal ini diharap dapat menangani jumlah hartanah kediaman yang tidak terjual di Negeri Johor sebanyak 5,988 unit, dengan nilai keseluruhan bernilai RM3.8 bilion.

74. Menerusi mekanisme baru, pembeli boleh membeli hartanah kediaman terpilih dengan bayaran 20% daripada nilai hartanah berkenaan. Manakala baki 80% akan dibiayai oleh pelabur yang ingin mendapat pulangan dengan kenaikan nilai modal tersebut untuk satu tempoh masa.

Keempat: Skim Sewa Beli

75. Selain itu juga, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM30 juta bagi membiayai Perumahan Mampu Biaya untuk dijadikan Skim Sewa Beli. Kaedah ini juga merupakan alternatif lain untuk rakyat memiliki rumah pertama.

Kelima: Penubuhan Jawatankuasa Khas Antara Kerajaan Negeri Bersama Bank Negara Malaysia

76. Kerajaan negeri memiliki keterbatasan dalam soal kewangan bagi tujuan pembiayaan perumahan oleh rakyat. Namun, kerajaan tetap berusaha mencari jalan dan meneroka ruang baharu kerjasama dengan pihak berkaitan untuk meringankan beban rakyat.
77. Bagi membantu menyediakan platform untuk mengatasi masalah pembiayaan perumahan, kerajaan negeri akan mengadakan sebuah Jawatankuasa Khas bersama Bank Negara Malaysia, jabatan dan agensi serta institusi kewangan terpilih. Segala permasalahan atau isu yang timbul dalam aspek pembiayaan kewangan khususnya di bawah segmen Perumahan Mampu Biaya akan cuba diatasi menerusi jawatankuasa ini.
78. Seterusnya, di bawah Teras Kesejahteraan Rakyat, Kerajaan Negeri Johor begitu prihatin untuk **MEMBELA KUALITI KESIHATAN RAKYAT**.
79. Semua sedia maklum bidang kesihatan telah menjadi salah satu keutamaan kepada pihak kerajaan pada hari ini. Kerajaan akan memastikan penyediaan kemudahan kesihatan yang baik untuk rakyat Negeri Johor. Saya menyambut baik penekanan yang diberikan oleh pihak kerajaan persekutuan dalam sektor kesihatan, khususnya dengan peruntukan yang diberikan kepada Negeri Johor bagi membiayai projek pembinaan hospital dan klinik kesihatan.

80. Kesedaran terhadap penjagaan kesihatan juga adalah tanggungjawab bersama. Rakyat juga seharusnya 'celik sihat' dan sentiasa belajar untuk menjalani gaya hidup yang lebih sihat agar hidup lebih ceria dan sejahtera.

Pertama: Pelaksanaan Projek Kerajaan Persekutuan

81. Kerajaan negeri berterima kasih kepada kerajaan persekutuan di atas kelulusan peruntukan yang telah diberikan menerusi projek-projek di bawah RMK-11 tahun 2019 bagi membangunkan kemudahan kesihatan di Negeri Johor. Antara projek yang akan dimulakan bagi tahun 2019 adalah pembinaan Hospital Pasir Gudang dengan kos keseluruhan berjumlah RM472.5 juta.
82. Kerajaan Persekutuan juga telah memperuntukkan kos berjumlah RM90.5 juta bagi pembinaan bangunan tambahan Hospital Segamat. Kerajaan negeri juga amat menghargai kelulusan peruntukan bagi menaiktaraf kemudahan di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru yang melibatkan sistem pencegahan kebakaran, sistem elektrik, sistem perangkap kilat, pembinaan baru makmal patologi dan naiktaraf Perkhidmatan Nutrisi Parenteral dengan kos keseluruhan berjumlah RM88.7 juta.
83. Menjunjung titah Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor dan keprihatinan kerajaan negeri berhubung keperluan untuk menyediakan kemudahan kesihatan yang terbaik, kerajaan negeri akan mengemukakan permohonan kepada kerajaan persekutuan untuk membina sebuah hospital baharu di kawasan Kempas, di atas sebidang tanah yang telah dikenalpasti bagi menampung keperluan semasa dan kesesakan yang berlaku di Hospital Sultanah Aminah.
84. Selain daripada itu, kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Johor akan meneliti keperluan untuk menaiktaraf kemudahan kesihatan di seluruh negeri Johor. Antaranya;
- i. Menaiktaraf Kompleks Rawatan Harian, Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru.
 - ii. Menaiktaraf Kompleks Rawatan Harian, Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar.
 - iii. Membina wad perubatan am Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang.
 - iv. Menaiktaraf Hospital Pontian dan Hospital Kota Tinggi.

Kedua: Pembinaan Hospital Pakar Kumpulan Perubatan Johor (KPJ), Segamat

85. Permintaan terhadap akses pekhidmatan kesihatan pakar semakin tinggi dalam kalangan rakyat sejak kebelakangan ini. Menyedari hakikat ini, kerajaan negeri menerusi Johor Corporation akan membina sebuah hospital pakar di daerah Segamat untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, cekap dan profesional.
86. Inisiatif ini dapat memberi pilihan perubatan kepada penduduk daerah Segamat dan sekitarnya. Hospital KPJ ini akan menempatkan doktor pakar dalam pelbagai bidang dan disokong oleh pasukan pengurusan hospital yang profesional dan terlatih.
87. Pembinaan ini dirancang untuk dimulakan pada tahun 2019 dan dijangka siap pada tahun 2021 dengan anggaran kos pembangunan sebanyak RM70 juta.

Ketiga: Bantuan Kupon Perjalanan Ke Hospital Dan Klinik Terpilih Untuk Golongan B40 / Warga Emas / Orang Kelainan Upaya (OKU)

88. Bagi meningkatkan akses golongan B40, warga emas dan OKU yang berdaftar di bawah Skim Bantuan Am Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menyediakan kupon bantuan perjalanan bagi mendapatkan perkhidmatan kesihatan. Ini akan memberi manfaat kepada kira-kira 5,500 orang untuk menggunakan perkhidmatan *e-Hailing* dan teksi *EzCab* yang melibatkan kos sebanyak RM100 ribu.
89. Bagi peringkat permulaan, kupon ini boleh digunakan bagi perjalanan pergi dan balik ke lima buah pusat kesihatan yang mempunyai kadar kehadiran yang tinggi iaitu Hospital Sultanah Aminah, Hospital dan Klinik Kesihatan Sultan Ismail, Klinik Kesihatan Mahmoodiah dan Klinik Kesihatan Ulu Tiram yang kesemuanya terletak di Daerah Johor Bahru. Insyaallah, inisiatif ini akan diperluaskan ke daerah-daerah lain pada masa akan datang.

Keempat: Program Jelajah Kenal Ubat Anda 2019 Daerah Kulai

90. Kerajaan negeri juga menyokong penuh program peningkatan kualiti penjagaan kesihatan melalui penganjuran program Jelajah Kenal Ubat 2019 di mana daerah Kulai akan menjadi tuan rumah. Program ini mensasarkan penyebaran maklumat ubat-ubatan yang

betul dan penerapan amalan penggunaan ubat-ubatan secara berkualiti di kalangan komuniti.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

91. Agenda kesejahteraan rakyat yang berikutnya adalah **MENJUNJUNG MARTABAT AGAMA ISLAM**. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan negeri untuk memartabatkan fasal 57 dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor (UUTKJ) 1895 yang menyebutkan Islam adalah agama negeri selama-lamanya.
92. Alhamdulillah, sehingga kini syiar Islam terus berkembang, subur dan progresif di bawah pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang juga merupakan Ketua Agama Islam di Johor.
93. Dibawah pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Islam di Johor telah melalui fasa cemerlang khususnya dari segi pengurusan dan pentadbiran serta pembangunan rohani umat Islam.
94. Bagi menjamin kelangsungan ini, kerajaan negeri akan menyediakan **Pelan Strategik Agama Islam Negeri Johor 2030**. Pelan strategik jangka panjang ini amat penting khususnya dari segi pembangunan ummah dan pembangunan fizikal demi memperkasa syiar Islam di Negeri Johor. Justeru, kerajaan negeri bersetuju memperuntukkan dana kajian sebanyak RM500 ribu.
95. Usaha-usaha lain yang akan dijalankan oleh kerajaan negeri bagi memperkasakan umat Islam di Johor termasuklah:

Pertama: Penyelenggaraan Masjid dan Surau

96. Peruntukan dana berjumlah RM4.7 juta akan disediakan bagi membiayai kos baik pulih dan penyelenggaraan masjid dan surau di seluruh Negeri Johor.

Kedua: Pembinaan Masjid Baharu di Taman Bayu Damai, Pengerang

97. Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan akan membina sebuah masjid baharu di Taman Bayu Damai, Pengerang yang merupakan kawasan penempatan semula penduduk yang terlibat dengan pembangunan projek minyak dan gas di kawasan Pengerang dengan kos keseluruhan sebanyak RM7 juta, di mana RM5 juta diluluskan peruntukannya oleh kerajaan persekutuan manakala baki RM2 juta ditampung oleh kerajaan negeri.

Ketiga: Pelaksanaan Projek Sekolah Agama Kerajaan Johor

98. Kerajaan negeri akan meneruskan inisiatif pelaksanaan projek Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) Fasa Lima (5) oleh Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) yang melibatkan 30 buah sekolah agama baharu dalam Negeri Johor dengan kos keseluruhan bernilai RM256.7 juta.
99. Projek ini bertujuan untuk menyediakan sistem pembelajaran pendidikan agama yang ditambahbaik melalui kemudahan baharu yang lebih selesa dan kondusif.

Keempat: Bantuan Sekolah Agama Tahfiz

100. Kerajaan negeri amat prihatin terhadap perkembangan sekolah-sekolah agama tahfiz. Banyak tragedi sedih dan memilukan berlaku melibatkan sekolah-sekolah tahfiz di seluruh negara. Justeru, kerajaan negeri memperuntukkan bantuan sebanyak RM1.5 juta bagi sekolah-sekolah agama Tahfiz yang berdaftar di Negeri Johor. Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan untuk menyuburkan syiar Islam, tetapi juga untuk membentuk generasi Al-Quran yang terpimpin di Negeri Johor.

Kelima: Pengurusan Tanah Kubur Bersepadu Johor

101. Kerajaan negeri akan mewujudkan Pengurusan Tanah Kubur Bersepadu Johor dengan kos awalan berjumlah RM500 ribu. Bagi tujuan tersebut, pada tahun 2019 kerajaan negeri akan membangunkan tiga buah tapak perkuburan moden di Daerah Johor Bahru, Muar dan Batu Pahat secara terancang dan berteknologi tinggi.

Keenam: Pembangunan Tanah Wakaf

102. Kerajaan negeri akan terus mendukung dan mendaulatkan institusi wakaf sebagai salah satu perbendaharaan umat Islam di negeri Johor. Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri beriltizam untuk meneruskan pembangunan fizikal yang tertentu di bawah seliaan Majlis Agama Islam Johor, Johor Corporation dan Perbadanan Islam Johor.
103. Ini bagi memastikan kelangsungan pemilikan hartanah umat Islam menerusi instrument wakaf akan terbela dan terpelihara.

Ketujuh: Pengurusan Zakat

104. Sebagai agensi yang bertanggungjawab mengurus pungutan dan agihan zakat, Majlis Agama Islam Negeri Johor akan terus melaksanakan peranannya bagi memelihara kesejahteraan masyarakat Islam melalui peruntukan wang zakat kepada lebih 160 ribu orang merangkumi golongan asnaf, fakir, miskin dan mereka yang memerlukan di seluruh Negeri Johor.
105. Sehubungan itu, lima (5) kategori utama bantuan yang meliputi bantuan kebajikan asnaf, bantuan perumahan asnaf, bantuan kesihatan dan perubatan, bantuan pendidikan dan bantuan peningkatan ekonomi akan terus dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM163 juta.

Kelapan: Bantuan Perubatan Asnaf

106. Bagi memastikan kebajikan asnaf yang ditimpa sakit dan memerlukan rawatan, MAINJ telah menyediakan tiga bentuk skim bantuan yang meliputi bantuan rawatan bulanan, bantuan rawatan pesakit buah pinggang dan bantuan pesakit jantung yang menjalani rawatan di Institut Jantung Negara (IJN). Bagi mengurangkan bebanan asnaf ini, MAINJ memperuntukkan perbelanjaan sebanyak RM66.5 juta untuk kos rawatan yang berkenaan.

Kesembilan: Pemerksaan dan Kebajikan Saudara Kita

107. Bantuan kepada asnaf Mualaf atau dikenali sebagai Saudara Kita akan terus diperkasakan dengan memberi penumpuan kepada aspek pembangunan rohani dan latihan. Skim Bantuan Bulanan Saudara Kita yang diperkenalkan mulai tahun 2018

kepada mereka yang baru memeluk Islam sehingga tempoh dua tahun pengislaman akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM2.5 juta. Ianya akan memberi manfaat kepada 1 ribu orang saudara kita.

Kesepuluh: Bantuan Pengurusan Rumah Kebajikan Warga Tua Islam dan Kanak-Kanak Autisme

108. Menyedari bahawa tidak semua insan bernasib baik, MAINJ melalui peruntukan Baitulmal menyediakan bantuan kepada Rumah-Rumah Kebajikan Warga Tua Islam dan juga kanak-kanak mengidap Autisme yang berada di Pusat Pendidikan Khas. Kerajaan negeri dengan ini, memperuntukkan sebanyak RM1 juta setahun yang boleh memberi manfaat kepada 500 orang penerima.

Kesebelas: Wakaf Mesin Hemodialisis

109. Bagi menggalakkan amalan berwakaf di Johor, MAINJ melalui Skim Saham Wakaf Johor, memperuntukkan sebanyak RM4 juta untuk pembelian mesin hemodialisis bagi ditempatkan di beberapa pusat rawatan dialisis di Negeri Johor. Saham wakaf ini menyasarkan pembelian 100 unit mesin hemodialisis dan diharap akan dapat mengurangkan kos rawatan dialisis di samping memberi kemudahan kepada pesakit yang sedang menjalani rawatan.
110. Seterusnya, agenda di bawah teras kesejahteraan rakyat adalah **DINAMIKA UPAYA KERAJAAN TEMPATAN.**
111. Pada tahun 2019, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM13.7 juta kepada 11 daripada 16 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tujuan Geran Keseimbangan Negeri. Bantuan kewangan ini akan dimanfaatkan oleh PBT dengan menyediakan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam yang mencukupi dan selesa kepada rakyat, pengurusan sisa pepejal yang berkesan dengan pemantauan berkala, menyelesaikan aduan-aduan awam serta menjaga kebersihan dan kelestarian bandar.
112. Selain itu, bagi meningkatkan kegiatan ekonomi dan keusahawanan dalam kalangan peniaga tempatan, kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak RM1.2 juta bagi menaiktaraf pasar awam dan gerai-gerai untuk mewujudkan ruang niaga yang lebih

teratur, bersih, kemas, santai serta mesra OKU. Antara lokasi yang akan dinaiktaraf adalah:

- i. Pasar awam Kluang dengan peruntukan sebanyak RM500 ribu.
- ii. Gerai Majlis Daerah Labis di Rumah Rakyat, Bekok dengan peruntukan sebanyak RM250 ribu.
- iii. Gerai di Jalan Kota Tinggi, Mersing dengan peruntukan sebanyak RM250 ribu.
- iv. Gerai di Dataran Segamat dengan sebanyak RM200 ribu.

113. Seterusnya, kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak RM1.75 juta bagi kerja-kerja membina tempat meletak kenderaan berat di lokasi terpilih untuk memberi keselesaan dan menjamin keselamatan penduduk setempat, sekaligus mengurangkan kerosakan jalan raya di kawasan parkir kediaman penduduk. Antara lokasi yang dinyatakan adalah:

- i) Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kempas Permai di Daerah Johor Bahru
- ii) Jalan Shin Lee, Chaah dan Bandar Putra di Daerah Segamat;
- iii) Batu 3, Jalan Jemaluang di Daerah Mersing;
- iv) Kawasan Perindustrian Sri Gading di Daerah Batu Pahat.

114. **MEMUPUK PERPADUAN RAKYAT DAN MENINGKATKAN TAHAP KESELAMATAN** adalah inisiatif seterusnya dalam kesejahteraan rakyat.

115. Kerajaan negeri akan menggalakkan penglibatan masyarakat secara langsung bagi memastikan persekitaran kehidupan rakyat di Johor yang selamat dan sejahtera.

116. Antara inisiatif bagi memupuk perpaduan rakyat dan meningkatkan tahap keselamatan adalah sebagaimana berikut:

- i. Program Harapan Rakyat bagi Kawasan Rukun Tetangga dengan peruntukan sebanyak RM280 ribu.
- ii. Pemberian Geran Pengoperasian Kawasan Rukun Tetangga dengan peruntukan sebanyak RM500 ribu.

- iii. Pemberian Geran Pengoperasian Skim Rondaan Sukarela dengan peruntukan sebanyak RM100 ribu secara berperingkat.
117. Bagi tahun 2019, kerajaan negeri akan meneruskan pelaksanaan Program Bandar Selamat oleh Pihak Berkuasa Tempatan dengan peruntukan sebanyak RM11 juta. Di antara komponen-komponen keselamatan yang akan dilaksanakan adalah pengasingan laluan pejalan kaki dan kenderaan bermotor, pencahayaan jalan-jalan berisiko dan juga sistem pemetaan secara berkomputer (GIS) di kawasan sering berlaku jenayah bagi tujuan pencegahan.
118. Perumpamaan Melayu ada menyebutkan “Sediakan Payung Sebelum Hujan”. Justeru itu, kita mengadakan inisiatif untuk menyediakan **DANA KHAS BANTUAN BENCANA**.
119. Selain daripada inisiatif-inisiatif yang saya nyatakan di atas, sebagaimana yang pernah saya umumkan sebelum ini, pada tahun 2019 kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak RM20 juta sebagai Dana Khas Bantuan Bencana.
120. Dana ini akan digunakan sebagai bantuan segera sekiranya peruntukan kewangan daripada pelbagai jabatan mengambil masa dan tidak mencukupi.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

TERAS KEDUA: PEMBANGUNAN LESTARI DAN PEMULIHARAAN SUMBER

121. Di bawah teras kedua ini, agenda yang diberi keutamaan adalah **PEMBANGUNAN EKONOMI, KEISTIMEWAAN EKONOMI DAERAH, PEMBANGUNAN WILAYAH UTARA DAN TIMUR JOHOR**.
122. Sepertimana kita semua maklum, kepesatan pembangunan ekonomi yang dinikmati di selatan Johor ini tidak dapat disangkal lagi. Perancangan dan perencanaan dasar berkaitan ekonomi yang lebih tersusun akan dilaksanakan agar pertumbuhan pembangunan ekonomi ini dapat dimaksimumkan serta kesan limbahnya dapat dinikmati oleh rakyat.

123. Pihak kerajaan akan terus memberikan tumpuan terhadap pembangunan Iskandar Malaysia (IRDA) yang merangkumi Daerah Johor Bahru, Kulai dan sebahagian Pontian, yang kini berada pada fasa ketiga (3), dengan bertemakan “Mampan dan Inovasi”. Ini bagi mengekalkan keutuhan dan momentum pembangunan wilayah ke arah menjadi sebuah metropolis bertaraf antarabangsa yang kukuh dan mampan. Antara fokus yang diberi keutamaan oleh pihak IRDA adalah pelaksanaan inisiatif “*Smart City*” dengan izin yang dijalankan antaranya dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan seperti pengurusan trafik, pengurusan bandar dan penjimatan tenaga.
124. Selain daripada itu, adalah menjadi hasrat kerajaan negeri untuk mensasarkan pembangunan yang lebih seimbang bagi setiap wilayah di negeri Johor termasuk juga di kawasan luar bandar dan tidak hanya tertumpu di sesebuah kawasan sahaja.
125. Sebagaimana yang telah dinyatakan menerusi manifesto kami, kerajaan negeri akan memberi tumpuan terhadap pembangunan di Wilayah Utara Negeri Johor yang meliputi Daerah Segamat, Muar dan Tangkak.
126. Bagi menyokong pembangunan di Daerah Segamat, kerajaan negeri telah bersetuju untuk memasukkan Daerah Segamat di dalam kawasan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Ini akan memberikan lebih tumpuan dan anjakan pertumbuhan Daerah Segamat khususnya dalam bidang pertanian dan industri asas tani, pelancongan, perindustrian dan logistik di daerah berkenaan.
127. Kajian perluasan kawasan industri daerah Segamat fasa dua juga akan dijalankan dalam mengenal pasti projek-projek baharu yang mempunyai impak yang tinggi kepada Ekonomi Wilayah Utara Negeri Johor. Kajian ini merupakan usahasama antara Johor Corporation dengan Pelabuhan Darat Segamat atau lebih dikenali sebagai ‘*Segamat Inland Port*’ dengan izin bertujuan merencanakan lagi pembangunan ekonomi di Segamat. Kos kajian akan menelan belanja sebanyak RM1 juta.
128. Manakala pembangunan di Daerah Tangkak akan terus diperkasakan dengan penumpuan di sektor pelancongan yang memanfaatkan keindahan alam semulajadinya.
129. Bagi merencanakan lagi pembangunan ekonomi Wilayah Utara Negeri Johor, pihak Johor Corporation juga akan menjalankan kajian bagi membangunkan Taman Perindustrian

Bukit Gambir, Tangkak seluas 110 ekar dengan kos kajian sebanyak RM1 juta. Taman perindustrian ini akan menempatkan sebanyak 50 hingga 70 pengusaha Industri Kecil dan Sederhana.

130. Bagi pembangunan di Daerah Muar, kerajaan negeri akan terus memberikan tumpuan terhadap sektor pembuatan perabot menerusi pembangunan Taman Perabot, Muar dan sektor pendidikan menerusi pembangunan Hab Pendidikan, Pagoh. Selain daripada itu, kerajaan negeri dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Asas Tani akan meneliti potensi untuk menjadikan Daerah Muar dan Segamat sebagai Hab Pengeluaran Lembu Daging terbesar negara. Kerajaan negeri juga mengalu-alukan langkah kerajaan persekutuan menjadikan Daerah Muar sebagai Hab Anak Muda dengan beberapa komponen seperti Tapak Sukan Ekstrim, Pusat E-Sukan, Pusat Akuatik, Flying Fox dan lain-lain dengan peruntukan RM20 juta.
131. Kerajaan negeri akan turut memberikan tumpuan terhadap pembangunan di kawasan tengah Johor yang merangkumi Daerah Kluang dan Batu Pahat. Daerah Kluang akan diberikan fokus sebagai Hab Ekonomi Kreatif, pusat pengeluaran produk tembikar dan penumpuan terhadap sektor pertanian. Manakala Daerah Batu Pahat akan terus memberi tumpuan terhadap industri tekstil serta perusahaan kecil dan sederhana.
132. Bahagian Timur Johor yang meliputi Daerah Mersing dan Kota Tinggi juga tidak ketinggalan daripada mendapat perhatian kerajaan negeri. Kerajaan negeri amat prihatin tentang keperluan rakyat tanpa mengira ideologi politik. Bagi memperkasa rangkaian perhubungan dan penyediaan infrastruktur di Daerah Mersing, kerajaan negeri telah mendapat persetujuan secara dasar daripada kerajaan persekutuan melalui ECER iaitu:
 - i. membina jambatan atau persimpangan bertingkat yang akan melancarkan pergerakan kenderaan sama ada menuju ke Pusat Bandar atau ke arah yang bertentangan dengan peruntukan sebanyak RM170 juta.
 - ii. membina '*bypass*' dengan izin, yang akan memendekkan masa perjalanan melalui Kampung Jemari Baru hingga ke Kampung Siapu Jalan Endau dengan peruntukan kerajaan negeri sebanyak RM10 juta.
 - iii. Projek Pemecah Ombak di muara Sungai Mersing dengan peruntukan berjumlah RM300 juta.

133. Selaras dengan penjenamaan "*Naturally Splendid*" bagi daerah ini, pihak ECER telah menetapkan matlamat untuk menjadikan Daerah Mersing sebagai sebuah destinasi pelancongan berkonsepkan "Hutan Hujan ke Terumbu Karang" atau "*Rainforest to Reef*" (R2R).
134. Justeru itu, bagi merancakkan projek pelancongan ini, kerajaan negeri telah merancang tiga projek yang akan dilaksanakan di Daerah Mersing bagi Tahun 2019:

Pertama: Pembangunan Pelancongan Tanjung Penyabong

135. Kawasan ini merupakan salah satu pusat pelancongan berasaskan makanan laut yang menyediakan ruang niaga makanan laut, jeti tambatan, jeti pelancongan serta kawasan rekreasi yang lebih tersusun dan moden. Pembangunan ini akan meningkatkan pendapatan para nelayan dan penduduk tempatan serta mewujudkan peluang keusahawanan kepada peniaga-peniaga makanan laut di Tanjung Penyabong. Kerja-kerja fizikal oleh ECER telah pun bermula dan dijangka siap pada bulan Mei 2019.

Kedua: Pembangunan Kepulauan Mersing

136. Bagi meningkatkan keselesaan pelancong, kerajaan negeri akan menjalankan penambahbaikan kemudahan penduduk setempat dan ini akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan keusahawanan kepada mereka. Pulau-pulau yang terlibat adalah Pulau Besar, Pulau Pemanggil, Pulau Sibul, Pulau Aur dan Pulau Tinggi. Pembinaan Pusat Informasi dan Perkhidmatan Taman Laut Sultan Iskandar (PIPTLSI) di Pulau Besar yang berfungsi sebagai Pusat Komuniti Desa bagi masyarakat setempat di kepulauan Mersing akan menjadi salah satu tarikan utama pelancong ke kepulauan Mersing.
137. Pembangunan ECER juga melibatkan projek-projek pertanian dan industri asas tani seperti Lembah Tenusu di Jemaluang yang melibatkan peruntukan sebanyak RM70 juta dari Kerajaan Persekutuan. Manakala projek Taman Pemprosesan Ikan Endau Fasa Dua juga akan dilaksanakan di Daerah Mersing pada tahun 2019 oleh ECER dengan peruntukan sebanyak RM26.5 juta.
138. Di dalam usaha kerajaan negeri untuk meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan kepada penduduk di Daerah Mersing, kerajaan negeri telah bersetuju untuk

menempatkan semula pusat pentadbiran baharu Daerah Mersing di Jemaluang. Pusat pentadbiran baharu di Daerah Mersing ini akan dibina di atas tanah seluas 300 ekar milik Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Dalam hal ini, kerajaan negeri menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengurniakan tanah Baginda bagi tujuan yang berkenaan. Sesungguhnya, kemurahan hati Duli Yang Maha Mulia Tuanku menggambarkan keprihatinan Baginda terhadap keperluan dan kesejahteraan rakyat di Daerah Mersing.

139. Bagi melengkapkan rangkaian pembangunan di daerah Kota Tinggi pula, kerajaan negeri akan terus memberikan tumpuan kepada pembangunan sektor minyak dan gas di Daerah Kecil Pengerang, sebagai salah satu Program Transformasi Ekonomi Negara. Selain itu, sektor pelancongan berkonsepkan alam semula jadi (eco-tourism) merangkumi kawasan air terjun, sungai dan pantai juga akan diperkasakan menerusi pembangunan komprehensif oleh syarikat swasta. Kelebihan alam semula jadi dan geografi di Kota Tinggi akan dimanfaatkan dan dibangunkan dengan teratur dan sistematik bagi menarik lebih ramai pelancong dalam dan luar negeri. Pembangunan ini juga akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat terutamanya dalam bidang keusahawanan.
140. Selain daripada itu, secara keseluruhannya kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM4 juta pada tahun 2019 bagi menyokong pembangunan di setiap wilayah yang akan diselaraskan melalui Majlis Pertumbuhan Daerah di bawah Pegawai-Pegawai Daerah.

Lembah Inovasi Johor

141. Dalam usaha meningkatkan bentuk kerjasama antara Kerajaan Negeri, universiti dan pihak industri, Kerajaan Negeri akan meneruskan dan menambahbaik inisiatif Institut Inovasi Strategik Johor (IISJ) dan diberikan nafas baharu sebagai Lembah Inovasi Johor.
142. Pelaksanaan Lembah Inovasi Johor ini akan melibatkan kepakaran daripada Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Kolej Yayasan Pelajaran Johor serta kolej-kolej yang terdapat di Johor.

143. Dalam usaha meningkatkan tahap sinergi dan koordinasi antara pihak-pihak berkaitan, sekretariat di bawah Lembah Inovasi Johor akan diselaraskan di bawah sekretariat Majlis Pertumbuhan Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai-Pegawai Daerah.
144. Bagi menyokong pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah Lembah Inovasi Johor, kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak RM500 ribu sebagai dana permulaan pada tahun 2019.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

145. Agenda seterusnya di bawah teras pembangunan lestari dan pemuliharaan sumber adalah **MENGOPTIMUM SUMBER DAN PRODUK PELANCONGAN.**
146. Secara keseluruhannya, pada tahun 2019 kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM7.2 juta bagi meningkatkan sektor pelancongan negeri Johor. Ia merangkumi aspek peningkatan tahap infrastruktur, penganjuran program-program dan promosi di seluruh Negeri Johor.
147. Inisiatif ini akan menyokong perancangan kerajaan negeri yang akan menganjurkan Tahun Melawat Johor 2020.
148. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri dengan kerjasama jabatan/agensi berkaitan adalah sebagaimana berikut:
 - i. Memperhebat promosi tarikan pelancong domestik dan antarabangsa ke Negeri Johor.
 - ii. Menggalak dan memperbanyakkan penganjuran acara pelancongan di peringkat negeri dan antarabangsa.
 - iii. Kerajaan negeri juga akan menggerakkan semula peranan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor secara komprehensif yang bertujuan untuk menyelaraskan strategi dan membincangkan isu-isu semasa sektor pelancongan. Majlis ini dianggotai oleh jabatan/agensi serta wakil-wakil dari penggerak industri pelancongan di Negeri Johor.

- iv. Menambah baik dan mempertingkatkan prasarana pelancongan di seluruh negeri. Antara projek-projek utama yang akan dijalankan adalah:
 - a. Cadangan peningkatan kemudahan pelancongan bagi Taman Negara Johor Endau Rompin (Selai) Johor dengan membaik pulih pendawaian elektrik dan mengecat semula kemudahan di Kompleks Pelawat dan Tapak Perkelahan Lubuk Tapah dengan peruntukan keseluruhan RM600 ribu.
 - b. Cadangan menaiktaraf pelantar pejalan kaki bagi Taman Negara Johor Tanjung Piai dengan peruntukan sebanyak RM500 ribu.
 - c. Projek sambungan bagi membaikpulih dan menaiktaraf infrastruktur pelancongan bagi Taman Negara Johor Gunung Ledang dengan peruntukan sebanyak RM500 ribu.
 - d. Bagi memperkasa dan menyemarakkan pembangunan sumber eko-pelancongan hutan dan pendidikan yang diharmonikan dengan alam sekitar, peruntukan sebanyak RM250 ribu akan diberikan kepada Jabatan Perhutanan.

- 149. Kerajaan negeri juga turut mengalu-alukan keputusan kerajaan persekutuan untuk mengembalikan 50% hasil kutipan cukai pelancongan yang akan digunakan oleh kerajaan negeri bagi meningkatkan tahap infrastruktur di Negeri Johor.

- 150. Inisiatif seterusnya **MEREMAJAKAN SEKTOR PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI.**

- 151. Sektor pertanian merupakan salah satu sektor yang penting bagi sosioekonomi rakyat Johor. Sektor pertanian telah menyumbang sebanyak 15.4% kepada nilai KDNK bagi Negeri Johor pada tahun 2017.

- 152. Oleh yang demikian, objektif untuk menjadikan Negeri Johor sebagai peneraju Agro-Makanan perlu diperkasakan. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan pada tahun 2019 adalah sebagaimana berikut:
 - i. **Pertama:** Memperkukuhkan Pembangunan Industri Kelapa dengan peruntukan sebanyak RM400 ribu. Pembangunan industri kelapa dijangka dapat

meningkatkan keluasan tanaman kelapa, meningkatkan pengeluaran hasil melalui penanaman benih baka terpilih dan juga mengurangkan kebergantungan pengimportan kelapa dari negara luar.

- ii. **Kedua:** Selaras dengan Dasar Agromakanan Negara untuk menjadikan industri agromakanan sebagai bidang kerjaya pada masa depan, kerajaan negeri berhasrat menarik sekurang-kurangnya 100 orang golongan belia untuk melibatkan diri dalam Projek Belia Tani. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM300 ribu kepada golongan ini yang akan diberikan pendedahan tentang cara meningkatkan produktiviti, kualiti, teknologi dan inovasi.
 - iii. **Ketiga:** Bagi meningkatkan pengeluaran hasil dan kualiti produk, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM1.4 juta dibawah Projek Perintis Keusahawanan Johor. Para usahawantani akan diberikan bantuan seperti mesin dan jentera, penaiktarafan bengkel serta bantuan mengusahakan tanah terbiar yang bertujuan meningkatkan pendapatan golongan ini.
 - iv. **Keempat:** Johor Sebagai Hab Kerang-Kerangan Negara. Kerajaan memperuntukkan RM1 juta bagi memastikan kestabilan bekalan kerang negara terjamin dan merangsang pertumbuhan ekonomi nelayan pantai.
 - v. **Kelima:** Projek Penambahbaikan Sistem Ternakan Kupang. Projek ini akan menggalakkan penternak menggunakan sistem yang lebih ekonomik dan mesra alam serta mampu menjadi daya tarikan pelancong. Peruntukan bagi projek ini sebanyak RM150 ribu.
 - vi. **Keenam:** Kerajaan negeri juga memperuntukkan sebanyak RM150 ribu untuk Skim Bantuan Baka Ikan Dan Udang serta kemudahan pembiakan bagi meningkatkan hasil mengikut piawaian sektor akuakultur negeri Johor.
153. Kerajaan negeri juga komited untuk memperkukuhkan sistem sokongan dan infrastuktur berkaitan sektor pertanian. Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri mencadangkan inisiatif berikut:
- i. **Pertama:** Membina Pusat Jualan Agro Vet di Lot 1368 Jalan Genuang Segamat dengan peruntukan sebanyak RM300 ribu. Pusat jualan ini juga akan berfungsi sebagai pusat sehenti lelongan dan pengumpulan hasil ternakan negeri Johor.
 - ii. **Kedua:** Mengatasi masalah banjir di Kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dengan menyediakan Pelan Pencegahan Banjir. Projek bernilai RM200 ribu ini dapat membantu penternak terutamanya di Daerah Tangkak dan

Segamat yang sering terjejas akibat banjir. Ianya sekali gus mampu mengurangkan kos perbelanjaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Johor untuk membeli makanan kepada ternakan yang terjejas.

- iii. **Ketiga:** Penyediaan Dan Pengukuhan Saluran Pasaran Bagi Produk Industri Asas Tani. Sebanyak RM250 ribu diperuntukan bagi menaik taraf Pasar Tani dan Karavan Tani. Selain itu, tiga buah Pasar Tani baru akan dibuka dan memberi peluang kepada 120 orang usahawan untuk memasarkan hasil pertanian. Penambahan dan menaiktaraf Pasar Tani Dan Karavan Tani dapat memberi peluang untuk rakyat membeli hasil pertanian yang berkualiti dan segar dengan harga yang lebih rendah dari harga pasaran.

154. Kerajaan negeri turut mengadakan pelbagai inisiatif lain untuk menyemarakkan lagi perkembangan industri pertanian seperti mana berikut:

- i. **Pertama:** Pembangunan Projek Ikan Hiasan di Mawai di bawah kelolaan Jabatan Perikanan. Kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM300 ribu bagi membangunkan sektor ikan hiasan dan tumbuhan akuatik dalam usaha untuk mengekalkan negeri Johor sebagai pengeluar ikan hiasan dan tumbuhan akuatik terbesar di Malaysia.
- ii. **Kedua:** Pelan untuk menyelia program Usahawan Tani. Seramai 12 orang belia di bawah kategori B40 akan terlibat bagi Projek Perintis Penanaman Nanas MD2 di Tanah Abang, Mersing yang berkeluasan 120 ekar dengan kerjasama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia. Kerajaan negeri melalui Johor Corporation akan membiayai program ini dengan anggaran kos sebanyak RM100 ribu.

155. Agenda seterusnya adalah **PEMULIHARAAN SUMBER SECARA BIJAKSANA**. Antara rancangan yang akan dijalankan termasuklah:

Kajian Tahunan Inventori Gas Rumah Kaca (GHG) Bagi Mengukur Pencapaian Masyarakat Rendah Karbon di Iskandar Malaysia

156. Kerajaan negeri berhasrat untuk mempertingkatkan aspek penjagaan alam sekitar di dalam pembangunan di Negeri Johor selari dengan penekanan yang diberikan oleh kerajaan persekutuan di bawah kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ke-11.

157. Justeru, kerajaan negeri mencadangkan satu kajian tahunan GHG bagi mengukur pencapaian masyarakat rendah karbon di Iskandar Malaysia dijalankan. Pada 4 April 2018 kerajaan bersetuju dengan sejumlah peruntukan RM600 ribu untuk dimanfaatkan bagi pelaksanaan program GHG ini. Jumlah peruntukan ini adalah sumbangan bersama antara lima buah Pihak Berkuasa Tempatan di kawasan Iskandar Malaysia dan pihak IRDA.
158. Kerajaan negeri serius untuk mengatasi bencana banjir di kawasan-kawasan kritikal setiap tahun. Tiga inisiatif akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS):
- i. **Pertama:** Peruntukan sebanyak RM23 juta bagi melaksanakan projek rancangan tebatan banjir dan saliran bagi mengurangkan impak di kawasan berisiko banjir.
 - ii. **Kedua:** Projek pemuliharaan sungai untuk meningkatkan keupayaan kadar aliran air dan mengelakkan air melimpah ke tebing sungai dengan peruntukan sebanyak RM6.3 juta.
 - iii. **Ketiga:** Projek pemuliharaan pantai perlu dilaksanakan bagi mengelak hakisan berterusan dan untuk tujuan ini, sebanyak RM2.2 juta akan diperuntukkan kepada JPS bagi melaksanakan projek ini.
159. Sebanyak RM500 ribu akan diperuntukkan untuk projek memelihara dan memulihara sumber hutan yang berkurangan atau terganggu akibat bencana alam atau penerokaan buatan manusia.
160. Pembangunan pengurusan sistem pepejal berintegrasi dan berteknologi lestari akan diperkenalkan. Pelaksanaan projek ini adalah menerusi inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dan satu projek perintis akan dibangunkan di tapak pelupusan sampah Tanjung Langsat, Pasir Gudang.
161. Sistem ramalan dan amaran awal bencana banjir sangat penting untuk mengelakkan kehilangan nyawa dan kemusnahan harta benda yang lebih besar. Oleh itu, peruntukan sebanyak RM800 ribu akan diberikan kepada JPS untuk membangunkan dan menambah upaya sistem ramalan dan amaran banjir.

Sumber Ekonomi Baharu

162. Kerajaan negeri telah mengenal pasti bahawa pokok gaharu mempunyai permintaan yang tinggi di seluruh dunia, namun menghadapi masalah bekalan yang terhad. Oleh itu, satu projek tanaman gaharu berskala besar di Ayer Hitam dengan keluasan 20 ekar sebagai permulaan dan kos pembangunan permulaan sebanyak RM3 juta yang akan dibiayai melalui anak syarikat kumpulan PIJ Holdings. Projek ini mampu mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.
163. Seajar dengan Dasar Kelestarian Negeri, usaha meningkatkan penggunaan teknologi hijau dan ke arah penjimatan tenaga, kerajaan negeri mencadangkan inisiatif-inisiatif berikut:
- i. **Pertama:** Meningkatkan usaha publisiti dan pengembangan perhutanan melalui Kempen Pendidikan dan Kesedaran Awam yang akan diterajui oleh Jabatan Perhutanan dengan peruntukan sebanyak RM200 ribu.
 - ii. **Kedua:** Kempen menanam pokok dengan sasaran sebanyak dua juta pokok di seluruh kawasan pentadbiran PBT menjelang 2020, dengan tujuan penghijauan alam sekitar dan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Peruntukan sebanyak RM360 ribu akan disalurkan kepada Jabatan Landskap Negeri Johor dan usaha ini akan dibuat dengan kerjasama PBT.
 - iii. **Ketiga:** Kerajaan negeri akan melancarkan Program Pengindahan Rakan Taman dengan memberi insentif peruntukan sebanyak RM100 ribu kepada Jabatan Landskap Negeri Johor dalam usaha mengindahkan dan membersihkan kawasan perumahan terpilih.
 - iv. **Keempat:** Memberi peruntukan sebanyak RM1 juta kepada Jabatan Landskap Negeri Johor bagi menambah baik dan membangunkan Taman Botani di Seri Medan, Batu Pahat.
 - v. **Kelima:** Peruntukan sebanyak RM150 ribu diberikan kepada Jabatan Landskap Negeri Johor untuk membangunkan sebuah taman komuniti di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Segamat.
164. Kerajaan negeri akan menyegerakan penyelesaian masalah pertindihan kawasan rayau di dalam kawasan Taman Negara Johor Endau Rompin. Pengukuran halus bagi menyelesaikan tuntutan kawasan rayau ini akan dilaksanakan oleh Perbadanan Taman Negara Johor dengan peruntukan sebanyak RM500 ribu. Selain itu, kerajaan juga akan

meneliti cadangan pewartaan kawasan baharu bagi meningkatkan kawasan perlindungan di Negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

TERAS KETIGA: PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, PENGGERAK ZON PERDAGANGAN DAN KOMUNITI DIGITAL

165. Di bawah teras ketiga ini, agenda yang diberi keutamaan adalah **MENGGANDA HASIL PELABURAN NEGERI.**

PEMERKASAAN PUSAT PELABURAN NEGERI JOHOR KE 'INVEST JOHOR'

166. Bagi meningkatkan tahap penyelarasan sektor pelaburan di negeri Johor, kerajaan negeri akan memperkasakan semula Pusat Pelaburan Negeri Johor yang telah ditubuhkan sejak tahun 2004 dan akan dikenali sebagai *Invest Johor*.
167. Matlamat menjenamakan semula *Invest Johor* ini adalah untuk memberi impak lebih jelas dengan memperkasakan semula pusat ini di dalam mempromosikan Negeri Johor sebagai destinasi pilihan pelabur dari seluruh dunia. Berdasarkan rekod pelabur-pelabur yang berpotensi, banyak syarikat antarabangsa telah memilih Johor sebagai destinasi pelaburan.
168. Dalam pada itu, Kerajaan Johor sendiri kini cenderung kepada syarikat yang melabur dalam industri berteknologi tinggi. Antara syarikat asing yang berpotensi melabur di Johor termasuklah syarikat dari Amerika Syarikat, Taiwan, China, Singapura, Perancis, Korea Selatan dan Jepun.
169. Saya dengan sukacitanya ingin memaklumkan bahawa kerajaan negeri telah dapat meyakinkan pelaburan dari syarikat-syarikat besar di dunia untuk melabur di Negeri Johor yang dianggarkan bernilai RM8 billion pada tahun hadapan. Pelaburan ini sudah tentu akan memberikan pulangan dan impak yang besar kepada negeri dan juga rakyat Johor.

FOKUS INDUSTRI BERDASARKAN '3H', IAITU *HIGH-TECHNOLOGY, HIGH-VALUE DAN HALAL INDUSTRY* (INDUSTRI TEKNOLOGI TINGGI, INDUSTRI BERNILAI TAMBAH TINGGI DAN INDUSTRI HALAL)

170. Tahun 2019 akan menjadi 'tahun pecutan' untuk Negeri Johor dalam merealisasikan Johor sebagai negeri berprestasi tinggi. Kita perlu memberi penekanan kepada industri berasaskan '3H' iaitu '*High Technology, High Value dan Halal Industry*' dengan izin kerana industri-industri ini merupakan industri penting di peringkat global dalam memacu Negeri Johor sebagai Negeri Berprestasi Tinggi.
171. Industri berteknologi tinggi ini mampu meningkatkan produktiviti Negeri Johor dengan ketara, dan memberi impak yang tinggi pada jangka masa yang panjang. Setiap peringkat rantaian bekalan mampu menjana peluang perniagaan dan pekerjaan.
172. Industri halal juga merupakan industri yang semakin mendapat perhatian dan mempunyai potensi yang tinggi untuk diterokai. Beberapa strategi yang berkaitan dengan Industri Halal akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2019 seperti Penggalakan Industri Halal, Pemantauan Industri Halal dan Promosi Industri Halal.

KAWASAN INDUSTRI Pengerang

173. Seperti yang sedia maklum, pembangunan Kawasan Industri Pengerang telah memasuki Fasa Kedua. Pembangunan yang melibatkan tanah seluas 276 ekar ini ditadbir oleh Johor Corporation dengan peruntukan sebanyak RM191 juta. Pembangunan ini adalah untuk menyokong sektor sokongan industri minyak dan gas di Pengerang, dalam usaha menjadikan Pengerang sebagai hab industri minyak dan gas yang terkemuka di Malaysia dan rantau ini.
174. Pembangunan ini dijangka akan menarik sejumlah RM800 juta dari pelabur-pelabur luar negara, di samping ia mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada 1,700 orang. Dijangka pembangunan ini akan menghasilkan pulangan kepada kerajaan negeri sebanyak RM96.7 juta.

PENUBUHAN BIRO KONVENSYEN DAN PAMERAN JOHOR (JCEB)

175. Selaras dengan matlamat kerajaan Negeri untuk menjadikan Johor sebagai satu destinasi 'Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran' (MICE) di peringkat antarabangsa, kerajaan negeri akan mewujudkan satu unit khas yang akan memantau kesemua aktiviti-aktiviti tersebut dengan lebih teratur dan sistematik. Aktiviti ini telah dikenal pasti sebagai salah satu lagi sumber pendapatan negeri dan juga mampu menarik para pelancong ke Negeri Johor.

Yang berhormat Tuan Speaker,

176. Agenda seterusnya di bawah teras pembangunan infrastruktur, penggerak zon perdagangan dan komuniti digital adalah **MENGAPLIKASI EKONOMI DIGITAL**. Berikut adalah inisiatif yang akan diambil oleh kerajaan negeri.

PENUBUHAN JAWATANKUASA KHAS DIGITAL JOHOR

177. Selaras dengan hasrat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri akan menjadikan sektor ekonomi digital sebagai salah satu daripada inisiatif yang akan memacu pertumbuhan ekonomi di negeri Johor. Kerajaan Negeri juga mengalu-alukan pengumuman YAB Perdana Menteri Malaysia melalui pelancaran Dasar Revolusi Industri 4.0, yang juga dikenali sebagai Dasar Industri 4WRD (*Forward*) pada 31 Oktober 2018.
178. Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri akan menubuhkan satu Jawatankuasa Khas yang akan berperanan sebagai penggerak inisiatif-inisiatif digital di negeri ini. Jawatankuasa ini akan menyelaraskan segala bentuk kerjasama antara kerajaan negeri yang diterajui oleh Bahagian Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor (BSTICT) bersama Digital Johor Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat milik penuh Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) dalam menyediakan Pelan Transformasi Digital Negeri Johor.
179. Kerajaan negeri juga akan menggunakan keupayaan pelbagai potensi bagi mempertingkatkan kapasiti capaian kemudahan jalur lebar dikawasan-kawasan berfokus bagi memastikan perancangan pelaksanaan inisiatif-inisiatif program Ekonomi Digital dan Ekonomi Kreatif terlaksana dengan lancar dan berkesan. Ini termasuklah bagi

mempertingkatkan keyakinan pelabur-pelabur dalam dan luar negara dalam bidang-bidang yang berkaitan.

180. Di antara usaha yang dibuat adalah dengan memberi mandat kepada Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri Johor dan pihak swasta yang berkemahiran tinggi terlibat secara aktif bagi membangun pembinaan infrastruktur capaian jalur lebar.

E-WALLET

181. Kerajaan negeri akan menjalankan kajian untuk mewujudkan satu aplikasi milik Kerajaan Negeri Johor yang dinamakan **e-wallet** sebagai salah satu inisiatif untuk mewujudkan komuniti Digital Johor.

PENDIGITALAN MASYARAKAT

182. Kerajaan negeri akan bekerjasama dengan MyNIC Berhad bagi mendigitalkan masyarakat dan NGO di negeri Johor daripada kaedah “*off-line*” kepada “*on-line*”. Projek perintis dengan peruntukan bernilai RM100 ribu ini bertujuan untuk membantu masyarakat di negeri Johor untuk membangunkan domain dan alamat laman web sendiri.

ISKANDAR MALAYSIA URBAN OBSERVATORY DIGITAL

183. Projek Iskandar Malaysia Urban Observatory (IMUO) adalah projek keutamaan bagi Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) yang akan digunapakai dari tahun 2019 dan seterusnya. Kos pelaksanaan IMUO adalah RM1.5 juta dan peruntukan ini diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan.

PROJEK PEMETAAN TOPOGRAFI DAN PANGKALAN DATA TANAH NEGERI JOHOR MENGGUNAKAN TEKNOLOGI *LIGHT DETECTION AND RANGING* (LIDAR)

184. Permodalan Darul Ta’zim (PDT) bersama IMOSS Technology Sdn. Bhd. (IMOSS) telah bekerjasama untuk melaksanakan projek pemetaan topografi dan pangkalan data tanah Negeri Johor menggunakan teknologi ‘*Light Detection and Ranging*’ (LiDAR).

185. LiDAR adalah teknologi pemetaan menggunakan pesawat ringan yang dapat memberikan imej lebih tepat berbanding teknologi-teknologi sedia dan juga akan menjadi 'geomapping big data center' pertama di Malaysia yang mempunyai data topografi dan demografi terlengkap dengan harga jualan data lebih murah berbanding 'geospatial data' semasa di pasaran.
186. Inisiatif seterusnya dalam pembangunan infrastruktur, penggerak zon perdagangan dan komuniti digital adalah **MEMBINA INFRASTRUKTUR MEGA DAN MEMPERLUAS PENGGUNAAN KEMUDAHAN AWAM.**
187. Kerajaan negeri sedar, penyediaan infrastruktur dan rangkaian perhubungan yang baik akan memastikan pembangunan yang lebih mampan, memberi keselesaan kepada rakyat selain menjadi faktor kepada pertimbangan para pelabur membuat keputusan pelaburan di sesebuah negara.
188. Pada tahun 2019, kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM53 juta bagi pembinaan jalan dan jambatan di seluruh Negeri Johor. Antara senarai keutamaan projek yang akan dilaksanakan adalah:
- (i) Menaiktaraf jalan dan membina jambatan baru Kampung Perigi Aceh, Pasir Gudang, Johor.
 - (ii) Menaiktaraf dan pelebaran jalan Gelang Patah (J4) sepanjang 1.5 kilometer.
 - (iii) Menaiktaraf Jalan Johor Bahru ke Pontian (FT005) kepada Jalan Berkembar 4 Lorong.
 - (iv) Kerja-kerja naiktaraf jalan daripada 2 lorong 2 hala ke 4 lorong 2 hala dari Taman Kempas Utama ke Kampung Maju Jaya sejauh 2.2 kilometer.
 - (v) Pengalihan dan menaiktaraf jalan dengan dua persimpangan berisyarat di KM 7 Jalan Johor Bahru Air Hitam, Kluang.
 - (vi) Menaiktaraf Jalan Parit Ibrahim dan Parit Jawa, Pontian.
 - (vii) Memperelok jajaran di laluan FT001 Johor Bahru ke Air Hitam, KM 38 hingga KM 40 Kulai, Johor.
189. Selain daripada itu, kerajaan negeri merakamkan penghargaan kepada kerajaan persekutuan di atas kelulusan peruntukan bagi pelaksanaan projek infrastruktur yang akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya pada tahun 2019 antaranya:

- (i) Projek membina semula jalan persekutuan Yong Peng ke Segamat FT001 dari Kampung Desa Temu Jodoh (Seksyen 134) hingga Kampung Kwong Sai (Seksyen 174) daerah Segamat, Johor dengan anggaran kos sebanyak RM92.3 juta.
- (ii) Meneruskan pembinaan jejantas dan pembahagi jalan di Pekan Parit Sulong, daerah Batu Pahat, Jalan Persekutuan Yong Peng ke Muar (FT024) Johor dengan anggaran kos sebanyak RM5.5 juta bagi daerah Batu Pahat.
- (iii) Membina laluan alternatif yang menghubungkan Jalan Parit Jalil (126) ke Jalan Peserai (FT005) Batu Pahat, Johor yang dianggarkan kos sebanyak RM 81.4 juta.
- (iv) Membina Jalan Sebaya ke Bukit Bujang Balai Badang hingga Mensudut Lama, Segamat, Johor bagi Fasa 2 yang melibatkan anggaran kos sebanyak RM70 juta.
- (v) Menaiktaraf Jalan dari Pekan Nenas ke Tg. Piai Pontian, Johor bagi Fasa 2 yang melibatkan anggaran kos sebanyak RM69 juta.
- (vi) Meneruskan pelaksanaan projek menaiktaraf jalan Muar ke Tangkak ke Segamat, Johor (fasa 1: Segamat ke Tangkak) pakej 3 melibatkan kos pembinaan berjumlah RM134.6 juta dengan jarak sepanjang 10.5 kilometer.
- (vii) Menaiktaraf persimpangan bertingkat kempas sedia ada di Lebuhraya Utara - Selatan (E2) dan Jalan Kempas (J105), Johor Bahru, Johor dengan kos sebanyak RM50 juta, di mana projek ini akan dilaksanakan oleh pihak IRDA.
- (viii) Selain itu, pihak IRDA juga akan melaksanakan kajian penambahbaikan jalan dari Lingkaran Dalam ke Lebuhraya Penyebaran Timur Johor Bahru (EDL) dan dari EDL ke Pusat Bandaraya Johor Bahru dengan kos sebanyak RM 2 juta.

PENYELENGGARAAN JALAN MENERUSI PROJEK MARRIS

190. Sebanyak RM650 juta diperuntukkan melalui sistem rekod-rekod jalan raya Malaysia (MARRIS) pada tahun 2019, untuk antara lain, menambah baik penyelenggaraan jalan-jalan negeri, dan jalan-jalan kampung di seluruh negeri Johor.

PENAMBAHAN LALUAN BAHARU BAS MUFAKAT JOHOR YANG LEBIH EFEKTIF

191. Seterusnya, kerajaan akan menambahbaik laluan-laluan Bas Muafakat Johor supaya lebih efektif agar penggunaannya dimaksimumkan. Perancangan penetapan dan semakan laluan Bas Muafakat Johor sentiasa dijalankan berdasarkan beberapa kriteria iaitu melalui kawasan berpenduduk yang tiada perkhidmatan sebelum ini dengan kepadatan tinggi serta melalui kawasan kemudahan awam, pejabat agensi kerajaan, sekolah, kawasan rekreasi dan lain-lain kawasan tumpuan masyarakat setempat.
192. Kerajaan juga bersetuju untuk menambah laluan baharu Bas Muafakat Johor pada tahun 2019. Laluan yang dimaksudkan adalah laluan Pagoh ke Muar melalui Bukit Pasir dan Pagoh ke Muar melalui Bukit Gambir serta laluan Simpang Renggam ke Renggam. Selain itu, terdapat rancangan untuk memperluaskan operasi laluan Bas Muafakat Johor di kawasan Pengerang. Ia merupakan inisiatif pihak Kerajaan Negeri Johor yang prihatin terhadap penduduk bagi memudahkan perjalanan mereka dan menjimatkan kos sara hidup mereka. Secara keseluruhannya, kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak RM25.6 juta bagi menampung kos operasi pelaksanaan inisiatif ini.

MENAMBAHBAIK PROGRAM E-HAILING BAGI MEMPERTINGKATKAN PERKHIDMATAN DAN SERVIS TEKSI DI NEGERI JOHOR

193. Kerajaan negeri pimpinan Pakatan Harapan amat prihatin terhadap kesejahteraan hidup rakyat. Kita menginsafi permasalahan hidup rakyat dengan kos sara hidup yang tinggi, ditambah lagi dengan kesesakan di jalan raya. Justeru, kerajaan negeri berusaha mengurangkan permasalahan rakyat, termasuklah dalam kalangan pemandu teksi. Kerajaan negeri mendengar keluhan pemandu-pemandu teksi yang terpaksa bersaing dengan perkhidmatan *e-hailing*.
194. Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri akan menambahbaik kualiti perkhidmatan pengangkutan awam khasnya di Iskandar Malaysia. Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dengan kerjasama Pengangkutan Awam Johor (PAJ) sedang melaksanakan program Sistem Pengurusan Mobiliti Iskandar Malaysia bagi menangani masalah pengangkutan awam.

195. Program ini merupakan satu aplikasi yang menghubungkan orang awam dengan pelbagai mod pengangkutan di seluruh wilayah Iskandar Malaysia selain mengurangkan kebergantungan orang awam terhadap kenderaan persendirian.
196. Program ini juga menitikberatkan keperluan industri teksi di Iskandar Malaysia dan Johor secara keseluruhan. Perkhidmatan *e-Hailing* akan dibangunkan bermula 2019 dan diintegrasikan bersama aplikasi Sistem Pengurusan Mobiliti.
197. Projek ini dijangka memberi impak secara langsung kepada pengguna dan industri pengangkutan awam dan ianya mampu mengurangkan kebergantungan pengguna terhadap pengangkutan persendirian.
198. Selain daripada itu, kerajaan negeri juga mengambil berat tentang kebajikan pemandu-pemandu teksi dengan memberi bantuan-bantuan seperti bantuan persekolahan untuk anak-anak pemandu teksi dan bantuan hari raya. Untuk tujuan ini, kerajaan negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM500 ribu menerusi Tabung Amanah.

CADANGAN PEMBINAAN LAPANGAN TERBANG DAERAH MERSING

199. Bagi mengimbangi tahap pembangunan di negeri ini, Kerajaan Negeri Johor bercadang membangunkan sebuah projek di daerah Mersing iaitu membina sebuah Lapangan Terbang berserta dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan. Ia mampu menjadi pemangkin pembangunan, di samping dapat merancakkan lagi sektor ekonomi dalam kalangan rakyat tempatan.
200. Pembinaan lapangan terbang ini akan mengambil kira elemen pembangunan bercampur yang terdiri daripada beberapa komponen seperti berikut:
 - (i) Kompleks perniagaan (Skypark)
 - (ii) Hangar (jet persendirian)
 - (iii) Hotel dan pangsapuri
 - (iv) Akademi penerbangan
 - (v) Perkhidmatan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih pesawat (MRO)

201. Cadangan pembangunan ini akan dilakukan secara berfasa dan seiring supaya ia dapat dilaksanakan dengan teratur dan mengikut jadual. Pihak kerajaan negeri telah memohon peruntukan sebanyak RM5 juta melalui ECER bagi menjalankan kajian bagi mengenalpasti kesesuaian tapak projek, kebolehlaksanaan, rangkaian penghubungan darat yang lebih baik dan kemudahan infrastruktur lain yang perlu diambilkira.

PENAMBAHBAIKAN JARINGAN PENGANGKUTAN AWAM

202. Bagi Projek Iskandar Malaysia Bus Rapid Transit (IMBRT), secara keseluruhan Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM1 billion yang mana sebanyak RM140 juta telah diperuntukkan untuk 2019 bagi tujuan pengambilan balik tanah dan pembayaran kos awalan pelantikan Lead Consultant. Pembinaan projek IMBRT dijangka bermula pada suku keempat tahun 2019 dan jangkaan siap projek Fasa 1 IMBRT ini adalah pada suku kedua tahun 2022.

203. Dengan adanya sistem IMBRT, rakyat di Johor, amnya dan Iskandar Malaysia secara khususnya akan dapat meningkatkan kualiti kemudahan pengangkutan awam yang mampan, lancar, cepat dan cekap. Sistem ini akan memudahkan urusan harian rakyat dengan rangkaian laluan merangkumi 90% kawasan penduduk di Iskandar Malaysia. Kemudahan pengangkutan awam ini secara tidak langsung akan membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

204. Pada masa yang sama, sistem pengangkutan rel di Negeri Johor juga akan mengalami beberapa fasa kemajuan dengan adanya Projek Laluan Berkembar Elektrik (ETS) Gemas-Johor Bahru yang dijangka siap pada tahun 2022, Projek Rail Transit System (RTS) yang menghubungkan bandaraya Johor Bahru ke Singapura dijangka siap pada tahun 2024.

205. Selain daripada itu, melalui pendekatan Private Finance Initiative (PFI), kerajaan negeri juga merancang untuk memperkenalkan Sistem Tram di dalam kawasan bandaraya Johor Bahru sebagai salah satu mod pengangkutan moden yang akan diselaraskan dengan projek IMBRT bagi memberikan kemudahan kepada penduduk tempatan dan para pelancong.

206. Sistem Pengangkutan Rel Komuter juga dicadangkan untuk dilaksanakan bermula daripada Stesen Kulai ke Bandaraya Johor Bahru. Bagi melengkapkan jajaran kemudahan pengangkutan awam ini, perkhidmatan Bas Muafakat Johor akan dijadikan sebagai *feeder* pengangkutan ke stesen-stesen komuter yang akan dibina. Secara tidak langsung, ia akan mewujudkan beberapa kawasan Pembangunan Berasaskan Transit (TOD) di sepanjang jajaran laluan dan sekaligus akan memberi impak kepada peningkatan penggunaan mod pengangkutan awam di negeri ini.

PEWUJUDAN PASUKAN PETUGAS (TASK FORCE) PENGANGKUTAN

207. Bagi mempertingkatkan kecekapan operasi mod pelbagai pengangkutan, kerajaan negeri menubuhkan satu pasukan petugas. Pasukan ini berperanan memantau dan menyalurkan aduan rakyat mengenai kesesakan di kawasan pintu masuk utama ke Bandaraya Johor Bahru. Inisiatif ini melibatkan kawasan pintu masuk di Bangunan Sultan Iskandar, Kompleks Sultan Abu Bakar dan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai.
208. Pasukan Petugas Perairan juga akan diwujudkan bagi mengenal pasti sumber hasil ekonomi baharu bagi Negeri Johor. Selain itu, Pasukan Petugas Udara juga akan diperkenalkan bagi melancarkan lagi aliran keluar masuk dan menangani isu-isu berkaitan lapangan terbang di Negeri Johor.

SISTEM PENGURUSAN MOBILITI BERSEPADU DAN PINTAR BAGI ISKANDAR MALAYSIA

209. Sehingga kini, pihak IRDA telah berjaya mewujudkan kerjasama dengan Kerajaan Britain melalui '*2018 Prosperity Fund*'. Ia menyediakan geran sejumlah 4.85 juta pound sterling bagi melaksanakan kajian Sistem Pengurusan Mobiliti Bersepadu dan Pintar serta projek perintis di Iskandar Malaysia.
210. Melalui geran ini juga, pihak IRDA dan UK Foreign Commonwealth Office (UKFCO) bakal melaksanakan beberapa program pembangunan kapasiti dan penggunaan data bagi perancangan bandar. Program ini bertujuan meningkatkan kapasiti dan pengetahuan penjawat awam dalam sektor perancangan dan pengangkutan melalui teknologi dan inovasi.

PEMBINAAN INFRASTRUKTUR AIR

211. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk menyediakan bekalan air bersih yang mencukupi kepada Bangsa Johor. Suka saya mengumumkan bahawa pada tahun 2019, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM16 juta untuk melaksanakan projek-projek melibatkan infrastruktur dan pengurusan sumber air. Antara projek utama yang akan dilaksanakan adalah sebagaimana berikut:

- (i) Peruntukan RM3.5 juta bagi membekalkan air mentah ke kawasan penduduk Bandar Penawar, Bukit Pelali, Pengerang dan kawasan sekitarnya. Jumlah ini akan dibelanjakan bagi mengatasi kekurangan air mentah di Empangan Sungai Lebam terutamanya pada musim kemarau supaya keperluan bekalan air tidak terganggu.
- (ii) Kerja-kerja menaiktaraf Empangan Rendah ataupun 'barrage' yang merentasi Sungai Johor akan dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM3 juta. Pelaksanaan kerja-kerja ini dijangka akan menghalang penerobosan air laut dengan menambah lagi simpanan air mentah yang akhirnya boleh diproses menjadi air minuman sebanyak 400 juta liter sehari (MLD) yang akan memberi manfaat kepada empat daerah iaitu Johor Bahru, Kulai, Pontian dan Kota Tinggi.
- (iii) Kerja-kerja menaiktaraf Kolam Tadahan di Sungai Pelepah, Kota Tinggi dengan peruntukan sebanyak RM500 ribu. Kerja-kerja ini dijangka akan memperkasakan kualiti air Sungai Johor dengan merawat kembali bekas-bekas lombong agar bekalan air mentah tidak terganggu.
- (iv) Pelaksanaan projek menaiktaraf Muka Sauk di Sungai Sedili Kecil, Kota Tinggi dan Sungai Pontian Besar, Kulai dengan peruntukan sebanyak RM1.1 juta. Projek-projek ini dicadangkan bagi memperbaiki keadaan tebing dan struktur kolam takungan air mentah yang akan digunakan oleh loji rawatan air untuk membekalkan air minuman ke Felda Lok Heng, di kawasan timur, sebahagian bandar Kota Tinggi, Kulai dan Felda Bukit Batu bagi menyelesaikan masalah kekerapan gangguan bekalan air.
- (v) Pemeriksaan Dasar Struktur Empangan untuk empangan-empangan lama akan dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM500 ribu. Dalam membekalkan air minuman kepada rakyat Bangsa Johor, aspek-aspek keselamatan struktur empangan-empangan akan diberi perhatian.

- (vi) Kerja-kerja penyelenggaraan sumber air di seluruh Negeri Johor akan diberi peruntukan sebanyak RM500 ribu. Dalam menggalas amanah membekalkan air minuman kepada rakyat bangsa Johor, maka jumlah ini perlu dibelanjakan bagi memastikan kualiti dan simpanan air mentah sentiasa mencukupi bagi Negeri Johor.

PROJEK KERAJAAN PERSEKUTUAN

212. Sebagai sebuah negeri dalam persekutuan di bawah pentadbiran kerajaan yang sama, maka adalah wajar bagi Negeri Johor menyumbang kepada kerancangan ekonomi peringkat kebangsaan. Johor turut menerima peruntukan kerajaan persekutuan memandangkan penyediaan infrastruktur air melibatkan perbelanjaan yang amat besar. Justeru itu, projek-projek utama yang akan dilaksanakan adalah sebagaimana berikut:

- (i) Projek Penyaluran Air Layang 2 dengan peruntukan RM152 juta. Pertumbuhan pesat ekonomi di kawasan Iskandar Malaysia menyebabkan permintaan bekalan air mentah meningkat secara mendadak. Maka projek ini dijangka dapat meneruskan bekalan air mentah ke kawasan Iskandar Malaysia bagi tempoh tiga tahun akan datang.
- (ii) Satu kajian perlu dibuat bagi menjamin kelestarian bekalan air mentah Negeri Johor dengan peruntukan sebanyak RM3 juta. Prestasi terimaan pelaburan luar Negeri Johor yang amat memberangsangkan sejak kebelakangan ini, turut memberi kesan melalui peningkatan unjuran permintaan bekalan air minuman sehingga tahun 2028 yang memerlukan tambahan bekalan air mentah sebanyak 596 juta liter sehari. Oleh itu, kerajaan persekutuan memandang berat keperluan ini dan bersetuju untuk menjalankan kajian sebelum apa jua tindakan serta langkah selanjutnya dapat dilaksanakan secara terurus.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

213. Seperti yang telah saya katakan bahawa Belanjawan Johor 2019 ini adalah untuk rakyat. Justeru itu, kerajaan negeri sedar akan kepentingan sosioekonomi yang stabil, yang dapat merangsang ekonomi tempatan dan merupakan resipi utama dalam menjaga kestabilan dan keharmonian negeri Johor.

214. Berpaksikan kepada nilai ini, kerajaan negeri telah merangka beberapa inisiatif dalam membangunkan aktiviti keusahawanan, terutamanya dalam kalangan usahawan muda secara progresif dan dinamik.
215. Seterusnya, agenda di bawah teras pembangunan infrastruktur, penggerak zon perdagangan dan komuniti digital adalah **MENEROKA POTENSI EKONOMI KREATIF, MENDIDIK KELOMPOK USAHAWAN, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN.**

AGENDA USAHAWAN NEGERI JOHOR

216. Bagi memperkasakan sektor keusahawanan di negeri Johor, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM6 juta bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif berbentuk bantuan dan latihan keusahawanan serta pelaksanaan program-program lain bagi memanfaatkan usahawan khususnya dalam segmen Perusahaan Kecil dan Sederhana yang merangkumi 10.8% daripada jumlah PKS di Malaysia.
217. Antara inisiatif strategik yang akan dilaksanakan adalah bagi mencipta kekayaan negeri yang baharu dan secara tidak langsung bagi membantu mempertingkatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri. Inisiatif ini memfokuskan kepada elemen asas yang penting iaitu Pengkomersialan Harta Intelek yang akan dibangunkan di bumi Johor dengan peruntukan sebanyak RM500 ribu. Dengan perlaksanaan inisiatif ini mampu menarik pelaburan-pelaburan baharu bukan sahaja di kalangan mikro, kecil dan sederhana bahkan di syarikat besar dalam dan luar negara.
218. Inisiatif ini akan melibatkan secara inklusif bagi Institusi Pengajian Tinggi, Kolej serta Institusi Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) terpilih khususnya yang berada di Johor untuk mengkomersialkan harta intelek yang berinovasi. Usaha untuk mengkomersialkan harta intelek boleh dilihat dari segi modal daripada pihak kerajaan negeri sendiri ataupun daripada pelabur luar. Ia tidak terhenti disitu sahaja malahan usaha-usaha pepadanan perniagaan dengan pihak-pihak industri bakal turut dilaksanakan.
219. Kerajaan negeri juga amat prihatin dengan usahawan mikro. Dengan itu, kerajaan negeri akan mewujudkan satu inisiatif bantuan iaitu Inisiatif Usahawan Mikro yang akan diberi peruntukan sebanyak RM1.5 juta dan akan memanfaatkan 300 orang usahawan. Inisiatif

ini akan berperanan sebagai penggalak kepada kumpulan usahawan mikro dari pelbagai bidang. Ia meliputi latihan, bantuan mesin, peralatan dan promosi bagi membantu usahawan tersebut.

220. Bagi memperkasa agenda usahawan bumiputera, kerajaan negeri melalui Perbadanan Islam Johor Holdings sedang membangunkan pusat inkubator di Taman Perbadanan Islam, Stulang Baru. Pusat ini akan menempatkan sejumlah 34 unit lot untuk usahawan baharu bumiputera dengan jumlah peruntukan sebanyak RM600 ribu.

MISI JEJAK PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)

221. Misi ini merupakan program turun padang yang bertujuan untuk berinteraksi dan memberi bimbingan secara langsung dengan para usahawan. Jangkaan jumlah usahawan dalam program ini ialah 200 orang pengusaha dari pelbagai bidang keusahawanan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM150 ribu.
222. Selain daripada itu, bagi memberi faedah kepada usahawan PKS, kerajaan negeri Johor buat julung kalinya akan menganjurkan Johor Halal Fest dengan peruntukan sebanyak RM500 ribu. Hal ini selari dengan matlamat kerajaan negeri untuk menambah nilai pendapatan ekonomi usahawan.
223. Program ini akan menjadi 'penanda aras' baharu bagi PKS Johor dan dijangka akan mampu menarik sekitar 50 ribu pengunjung merangkumi pengunjung tempatan dan negara jiran. Kita juga menjangkakan akan terdapat lebih dari 1 ribu produk Halal dari pengusaha-pengusaha dari Negeri Johor yang meliputi produk makanan, barangan kosmetik dan perkhidmatan halal di dalam program ini. Dijangkakan program ini dapat membantu pengusaha halal membuka pasaran baru yang lebih meluas.
224. Menerusi program ini juga, beberapa sesi padanan perniagaan juga akan dijalankan. Penglibatan syarikat-syarikat gergasi pada program ini dilihat mampu mewujudkan sinergi perniagaan bersama dengan produk Halal tempatan yang didedahkan.
225. Dalam kesempatan ini, kerajaan negeri ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan persekutuan yang telah memperuntukkan geran kewangan sebanyak RM22 juta

untuk membangunkan Kilang Siap Bina Fasa 1 di dalam kawasan Taman Perindustrian Perkayuan Muar.

226. Pembangunan ini adalah usaha kerajaan membantu memperkasakan penyertaan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana Bumiputera dalam industri pembuatan perabot dalam usaha memastikan sektor ini terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri Johor.
227. Kerajaan negeri telah merancang untuk mewujudkan Program Komuniti Ekonomi yang akan memberi fokus untuk membantu kumpulan tersebut, khususnya di kawasan pinggir bandar dan luar bandar untuk membantu memajukan perusahaan mereka. Usahawan yang menyertai program ini akan diberikan sesi khas bimbingan menerusi taklimat, bengkel kerja dan dialog perniagaan serta keusahawanan oleh mentor keusahawanan dengan peruntukan sebanyak RM100 ribu.

INISIATIF EKONOMI KREATIF

228. Dalam rangka menjayakan agenda ekonomi kreatif dan digital di Johor, satu unit khas akan ditubuhkan oleh kerajaan. Objektif unit ini adalah untuk menggerakkan inisiatif-inisiatif di bawah sektor Ekonomi Kreatif dan digital di negeri Johor. Bersandarkan kepada keperluan semasa, unit ini diperlukan untuk memastikan semua perancangan tersusun dan tidak bertindan dengan mana-mana agensi sedia ada, sebaliknya ia dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan menyeluruh.
229. Selain itu, unit ini berperanan untuk membantu kerajaan merangka program-program pembangunan dan memantau pelaksanaan program Ekonomi Kreatif dan digital mengikut dasar dan objektif yang telah digariskan.

HAB EKONOMI KREATIF

230. Kerajaan Negeri juga sedang merancang untuk menjalankan satu penyelidikan atau kajian khusus untuk menyediakan Pelan Induk bagi memperkasakan hab Ekonomi Kreatif negeri Johor. Pelan Induk ini merangkumi dasar dalam mengkaji prospek Negeri Johor sebagai pusat perkembangan Ekonomi Kreatif di dalam negara dan serantau dengan peruntukan sebanyak RM500 ribu.

231. Keperluan kajian ini sangat penting memandangkan belum pernah ada data yang lengkap berkaitan sektor Ekonomi Kreatif di negeri Johor. Rentetan dari kajian ini, kerajaan negeri percaya Pelan Ekonomi Kreatif Johor dan beberapa perkara penting dapat disediakan dalam menggerakkan agenda ini.
232. Kerajaan Negeri juga akan melancarkan dua program yang dipanggil “JOM Ekonomi Kreatif” dan “Inisiatif Ekonomi Kreatif”. Bagi program **Jom Ekonomi Kreatif** golongan muda di setiap daerah akan merekabentuk program tersebut mengikut keselesaan dan kesesuaian mereka. Objektif utama aktiviti ini adalah bertujuan untuk meningkatkan minat golongan muda dalam bidang masing-masing dengan peruntukan permulaan RM200 ribu bagi tujuan pengiktirafan.
233. Manakala bagi **Inisiatif Ekonomi Kreatif (IEK)** kerajaan negeri akan memberikan geran kepada usahawan terpilih untuk membangun, meluas dan meningkatkan lagi penghasilan produk dan pengeluaran mereka. Geran tersebut turut meliputi dana pemindahan platform konvensional produk kepada platform digital. Buat permulaan, kerajaan negeri mensasarkan sekurang-kurangnya dua puluh orang untuk menerima bantuan ini dengan peruntukan RM150 ribu.
234. Kerajaan juga menyediakan satu lagi insentif untuk membantu mengaktifkan keusahawanan koperasi dalam kalangan pelajar sekolah. Insentif ini dinamakan Azam Usahawan Muda Johor atau *Johor Young Entrepreneur Strive For Success (JYESS)*.
235. Sejumlah RM200 ribu telah diperuntukkan untuk tujuan ini. Program ini meliputi sebelas Pejabat Pendidikan Daerah di seluruh Negeri Johor yang melibatkan 272 buah koperasi sekolah.
236. Kerajaan negeri juga menginsafi tentang kepentingan kesihatan melalui aktiviti riadah dan sukan. Justeru itu, terdapat beberapa strategi untuk **MEMACU KECEMERLANGAN SUKAN TERAS**.

PROGRAM SUKMA 2020

237. Sebagaimana semua sedia maklum, kerajaan negeri akan menganjurkan Sukan Malaysia (SUKMA) pada tahun 2020. Kerajaan negeri beriltizam untuk menjadikan penganjuran SUKMA 2020 sebagai salah satu daripada yang terbaik dalam sejarah penganjurannya selama ini.
238. Namun begitu, kerajaan negeri bukan sekadar ingin memastikan penganjurannya sahaja yang terbaik, malahan ianya hendaklah dituruti dengan pencapaian yang cemerlang dari kontinjen Negeri Johor.
239. KPRJ melalui Sports Johor Sdn. Bhd. dan Majlis Sukan Negeri akan terus menjalankan program sukan di negeri Johor. Selain melaksanakan dan menyelaraskan program SUKMA 2020, ia juga akan mengkaji keperluan menyediakan kemudahan sukan seterusnya membangunkannya sekiranya perlu, serta pembangunan atlit Johor bertaraf antarabangsa. Penekanan akan diberikan kepada pembangunan sukan di peringkat akar umbi.
240. Bagi merealisasikan kejayaan program Sukan Malaysia (SUKMA 2020) di Johor, KPRJ telah dipertanggungjawabkan untuk membina beberapa kemudahan sukan. Antaranya ialah:
- (i) Menyiapkan Sebuah Stadium *Track And Field* Di Mount Austin Dengan Kos Jangkaan Keseluruhan Pembangunan Termasuk Penyediaan Infra Sokongan Utama Di Persekitaraan Dengan Anggaran Sebanyak RM180 Juta. Stadium Ini Dijangka Siap Pada Jun 2019.
 - (ii) Menyiapkan Fasiliti Memanah, *Lawn Bowl* Dan *Pentaque* Di Taman Impian Emas, Membina Sebuah Dataran Majlis Bandaraya Iskandar Puteri Di Educity, Iskandar Puteri. Peruntukan Sebanyak RM30 Juta disediakan untuk projek ini yang dijangka siap pada suku kedua dan ketiga tahun 2019.

BIASISWA ATLIT JOHOR

241. Selain daripada menyediakan kemudahan sukan yang canggih dan terkini, Kerajaan Negeri Johor percaya bahawa penajaan pendidikan menerusi biasiswa atlit Johor akan dapat menyumbang kepada kemajuan yang gemilang dalam bidang sukan di Negeri Johor.

242. Peribahasa Melayu menyebut *melentur buluh biarlah daripada rebungunya*. Kerajaan negeri sentiasa prihatin dalam pembangunan atlit sukan yang berbakat dan berpotensi bagi mengharumkan nama Johor dan Malaysia pada masa depan.
243. Kerajaan akan menganugerahkan Dermasiswa untuk mahasiswa Institut Pengajian Tinggi dan atlit Johor yang bergiat aktif dalam SUKMA, Sukan Universiti ASEAN dan sukan Institut Pengajian Tinggi. Bagi menjayakan hasrat tersebut, kerajaan negeri amat berbesar hati dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM100 ribu dalam usaha mengembangkan bakat mahasiswa yang cemerlang dalam sukan dan akademik.
244. Dermasiswa atlit Johor ini diharapkan akan merangsang motivasi dan komitmen atlit muda Johor untuk menjadi yang terbaik dalam sukan yang diceburinya. Maka, Yayasan Pelajaran Johor dipertanggungjawabkan sebagai penggerak utama dalam melaksanakan inisiatif ini untuk tempoh satu tahun.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

TERAS KEEMPAT: DEMOKRASI DINAMIK DAN KESAKSAMAAN SOSIAL

245. Kerajaan yang adil dan bertanggungjawab sentiasa prihatin akan nasib dan masa depan rakyatnya. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Johor berpandangan untuk mencapainya, maka jaminan kesaksamaan sosial dalam kalangan rakyat perlulah dicapai terlebih dahulu. Dalam mendukung demokrasi dinamik kerajaan negeri di bawah Pakatan Harapan, kami berpegang kepada prinsip adil dan saksama kepada semua. Kami menghormati keputusan rakyat untuk memilih wakil rakyat masing-masing.
246. Justeru, setiap Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri pembangkang di Negeri Johor akan menerima peruntukan sebanyak RM50 ribu setahun bagi tujuan pentadbiran untuk memastikan perkhidmatan wakil rakyat lebih berkesan tanpa mengira latar belakang ideologi politik. Malah pengiktirafan yang diberikan kepada Ketua Pembangkang juga membuktikan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan lebih bersifat terbuka dan profesional di dalam menjulang gagasan demokrasi dinamik.

247. Di era Malaysia baharu ini, kita sama sekali tidak akan terikut-ikut dengan cara pemikiran politik sempit, penuh hasad dengki, iri hati, curang, mengkhianati amanah rakyat dan penuh ketirisan yang menjadi amalan kerajaan terdahulu.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

248. Kerajaan sentiasa peka agar pembangunan luar bandar tidak diabaikan dan kawasan bandar pula sentiasa ditambahbaik, kerana kedua-duanya adalah pemacu pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Malah seluruh lapisan masyarakat tanpa mengira agama, bangsa dan kedudukan, akan sentiasa diberi keutamaan dalam agenda kesaksamaan sosial ini.

249. Di bawah teras keempat ini, agenda yang diberi keutamaan adalah **PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**. Hal ini disebabkan masyarakat luar bandar perlu mendapat “keadilan sosial” bagi menjana pembangunan ekonomi, meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat dan mengekalkan kelestarian alam sekitar luar bandar.

Pertama: Pelan Hala Tuju Strategik Desa Johor

250. Bagi tujuan memperkasa pembangunan desa, Pelan Hala Tuju Strategik Desa Johor akan dibangunkan dengan peruntukan bagi menjalankan kajian sebanyak RM1 juta. Pelan ini merangkumi:

- i. Pengukuhan dan peningkatan produktiviti ekonomi desa.
- ii. Pemerksaan pengurusan alam sekitar yang mampan.
- iii. Pengukuhan daya huni desa melalui peningkatan dan penambahbaikan penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam.
- iv. Penambahbaikan sistem jaringan jalan raya dan kemudahsampaian kawasan desa.
- v. Pemeliharaan dan pemuliharaan warisan dan budaya desa.
- vi. Pemerksaan keupayaan komuniti dalam pembangunan desa.
- vii. Pengukuhan sistem tadbir urus desa yang cekap dan berintegriti.

Kedua: keperluan mendapatkan air bersih

251. Kerajaan Negeri juga sangat prihatin dengan keperluan mendapatkan air bersih yang berterusan bagi masyarakat luar bandar. Dua projek utama yang akan dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan di bawah inisiatif ini adalah;

- i. **Pertama:** melaksanakan projek bekalan air di Kampung Orang Asli Sedohok, Sembrong, Johor dengan peruntukan sebanyak RM7 juta daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
- ii. **Kedua:** melaksanakan projek pembinaan tangki air di Bukit Naning, Muar dengan peruntukan sebanyak RM4.8 juta daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Ketiga: Projek Jalan Perhubungan Desa dibawah Peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar

252. Bagi merapatkan jurang antara kawasan luar bandar dengan bandar, jaringan perhubungan merupakan satu aspek yang diambil berat. Selain dapat menghubungkan satu kawasan dengan kawasan yang lain, Jalan Perhubungan Desa juga dapat menjimatkan masa perjalanan dan membuka lebih luas peluang ekonomi luar bandar. Oleh itu, kerajaan komited untuk melaksanakan projek Jalan Perhubungan Desa seperti berikut:

- i. **Pertama:** Membina jalan baru sepanjang 3.5 kilometer dengan jalan spesifikasi R2 dari Persimpangan Jalan Redong - Selancar hingga Jalan Masuk ke Felda Redong, Segamat fasa dua. Kos keseluruhan bagi projek ini adalah sebanyak RM42 juta dan diletakkan dibawah Jabatan Kerja Raya.
- ii. **Kedua:** Pihak KEJORA juga komited untuk membina jalan baru sepanjang 9 kilometer dari Kampung Belukar Durian ke Persimpangan Felda Waha, Sedili Kota Tinggi fasa dua. Kos keseluruhan bagi projek ini adalah RM100 juta.

253. Pelaksanaan projek ini diharapkan dapat memberi kemudahan jalan raya yang sempurna, selesa dan selamat kepada rakyat. Kesemua projek ini mendapat peruntukan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Seterusnya **MEMBANGUN PERSONA SRIKANDI DAN MASYARAKAT.**

254. “Tangan yang menghayun buaian itu, mampu menggoncangkan dunia”. Berdasarkan kata-kata hikmat tersebut, Kerajaan Negeri Johor sentiasa mengambil peduli terhadap nasib golongan Srikandi dan golongan rentan lain yang kurang bernasib baik. Mereka turut menyumbang kepada pembangunan keluarga, masyarakat dan negara. Maka, sewajarnya inisiatif dan insentif kesaksamaan sosial turut diberikan kepada golongan ini.

Pertama: Program Bantuan Peralatan Kepada Golongan Ibu Tunggal dan Srikandi Berpendapatan Rendah

255. Kerajaan Negeri Johor juga akan melaksanakan program bantuan peralatan kepada golongan sasaran terutamanya golongan ibu tunggal dan golongan berpendapatan rendah. Dengan peruntukan sebanyak RM100 ribu, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta’zim (YPKDT) akan menyediakan sumber pendapatan bekerja dari rumah (Home-Based Income) bagi mereka yang memerlukan. Kerajaan negeri mensasarkan mereka mendapat peningkatan pendapatan sebanyak 50 peratus daripada pendapatan asal.

Kedua: Kursus Peningkatan Sosioekonomi Golongan Sasaran

256. Sebagai tambahan daripada bantuan peralatan kepada golongan ibu tunggal dan Srikandi berpendapatan rendah, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta’zim (YPKDT) akan menyalurkan peruntukan sejumlah RM100 ribu bagi menjalankan dua bentuk kursus kemahiran yang melibatkan sasaran peserta seramai 300 orang peserta. Pertama, kursus berfokus yang melibatkan 100 peserta; kedua, kursus kemahiran asas yang melibatkan 200 peserta. Kursus ini dijangka dapat membantu membasmi kemiskinan dan menaiktaraf kehidupan golongan sasaran.

Ketiga: Pusat Jayadiri

257. Pembangunan karakter, bakat, ketrampilan dan sahsiah adalah komponen penting dalam mana-mana program pembangunan diri. Ia bertujuan membina insan yang mempunyai sifat yakin diri, kreatif, kritis, berintegriti dan kompeten. Ia dapat direalisasikan menerusi pusat pembangunan diri yang komprehensif dengan modul dan prasarana secukupnya.

Justeru, saya mencadangkan agar Pusat Jayadiri dibangunkan di negeri Johor sebagai titik tolak melahirkan masyarakat bestari.

258. Dua buah Pusat Jayadiri akan dibangunkan di Daerah Tangkak dan Kulai dengan peruntukan sebanyak RM150 ribu. Sebelum ini terdapat beberapa daerah yang mempunyai pusat seperti ini di Johor Bahru, Kluang, Segamat, Kota Tinggi, dan Batu Pahat. Inisiatif ini bertujuan untuk:

- i. Melahirkan usahawan dalam kalangan golongan sasaran terdiri daripada ibu tunggal, golongan Srikandi berpendapatan rendah dan Orang Kelainan Upaya (OKU) dalam pelbagai bidang.
- ii. Pusat ini berperanan sebagai sebuah Pusat Sehati untuk pelbagai aktiviti melibatkan Srikandi, NGO dan kemasyarakatan yang memberi tumpuan terhadap isu-isu Srikandi, keluarga dan sosial.

259. Inisiatif terakhir dalam teras **DEMOKRASI DINAMIK DAN KESAKSAMAAN SOSIAL** adalah **MEMBANGUNKAN KERJASAMA STRATEGIK ANTARA AGENSI KERAJAAN, SWASTA DAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)**.

Pertama: Program *Stop it Survive* (SIS)

260. Kerajaan Johor juga akan mengadakan program *Stop It Survive* (SIS) dengan peruntukan sebanyak RM100 ribu. Program Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) ini mensasarkan sebanyak 2,500 orang yang akan menerima manfaatnya. Kerajaan mengambil berat pelaksanaan program ini kerana ia memberi kesedaran kepada masyarakat tentang menangani keganasan terhadap kaum wanita. Di samping itu, ia mendedahkan kepada wanita dan masyarakat langkah-langkah atau tindakan undang-undang dalam membanteras keganasan terhadap wanita.

Kedua: Program *Mama Friendly* di Pusat Pentadbiran Kota Iskandar

261. Bagi menyahut seruan Kerajaan Persekutuan dalam menggalakkan penglibatan wanita dalam tenaga kerja, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) memperkenalkan konsep "*Mama Friendly*" bagi menyokong Dasar Penyusuan Susu Ibu kepada kakitangan awam wanita. Justeru itu, peruntukan sebanyak RM50 ribu akan

disediakan bagi tujuan ini dan Pusat Pentadbiran akan dipilih sebagai projek perintis dan seterusnya diharapkan program akan diperluaskan di semua premis kerajaan yang lain.

Ketiga: Pembangunan Taska Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) Daerah Batu Pahat dan Pontian

262. Kerajaan negeri melalui YPKDT akan meneruskan usaha dalam menyediakan perkhidmatan Taska YPKDT di semua pentadbiran kerajaan di daerah-daerah. Bagi tahun 2019, sebuah lagi Taska YPKDT akan dibina di daerah Batu Pahat dengan peruntukan sebanyak RM200 ribu dan melengkapkan keperluan peralatan Taska YPKDT di daerah Pontian.

Keempat: Sambutan Hari Srikandi Peringkat Negeri Johor

263. Bagi menghargai peranan dan sumbangan Srikandi, Kerajaan Negeri Johor juga akan turut menyambut Hari Srikandi dengan jenama Karnival Srikandi Harapan dengan peruntukan sebanyak RM200 ribu.
264. Selain mengiktiraf peranan dan membela golongan Srikandi berpendapatan rendah, kerajaan negeri juga prihatin untuk meningkatkan taraf hidup golongan terpinggir yang lain termasuklah golongan Orang Kelainan Upaya, warga emas dan anak-anak dari golongan berpendapatan rendah. Justeru itu, pelbagai usaha telah diatur bagi memastikan kelangsungan hidup dan peranan mereka dalam masyarakat dihargai.

Kelima: Menaiktaraf Bengkel Sampul Surat, Batu Pahat, Johor

265. Untuk pengetahuan semua, Bengkel Sampul Surat kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah ditubuhkan sejak tahun 1978. Ini merupakan salah satu cerita kejayaan bagaimana bantuan kerajaan dapat menyediakan peluang pekerjaan yang mampan kepada golongan OKU. Sehingga kini, terdapat 65 pelatih OKU bekerja di bengkel ini dengan hasil jualan sehingga RM200 ribu sebulan dan merupakan yang terbaik di Malaysia. Sehubungan itu, kerajaan negeri dengan berbesar hati ingin mengumumkan tambahan peruntukan sebanyak RM300 ribu kepada bengkel ini bagi meningkatkan kapasiti dan keselesaan OKU yang bekerja di sini.

Keenam: Membaik pulih Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)

266. Selain itu, kerajaan negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM800 ribu untuk kerja-kerja baik pulih Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Sepertimana yang dinyatakan dalam manifesto Pakatan Harapan, kita berusaha untuk memastikan warga emas berdikari dan berinteraksi sesama mereka dan masyarakat setempat. Sehubungan itu, pelbagai aktiviti dan program telah disediakan di pusat berkenaan seperti program keagamaan, rekreasi, terapi dan pemulihan, pemeriksaan kesihatan, ceramah kesihatan dan latihan serta kursus yang bersesuaian. Sebagai badan pelaksana, Jabatan Kebajikan Masyarakat akan memastikan kerja-kerja pembaikan PAWE dijalankan dengan sebaiknya untuk mewujudkan persekitaran yang bersesuaian, selesa dan mesra dengan warga emas.

Ketujuh: Program Latihan dan Promosi (PLP) Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU)

267. Menerusi titik fokus seterusnya, Program Latihan dan Promosi (PLP) akan dijalankan bagi melestari pembangunan sosioekonomi OKU dan kumpulan sasaran. Kerajaan Negeri Johor akan memberi peruntukan sebanyak RM100 ribu bagi melaksanakan inisiatif yang bermatlamat untuk memberi latihan dan kursus yang memberi nilai tambah kepada OKU dan golongan sasaran bagi membolehkan mereka menjalankan perniagaan dari rumah dan menggalakkan pengambilan pekerja OKU dalam sektor swasta.

Kelapan: Program Pembangunan Sahsiah, Emosi dan Eksplorasi Diri (PRO-SEED)

268. Generasi muda adalah tonggak dan harapan keluarga, bangsa, agama dan negara. Jika inginkan masa depan yang gemilang, generasi muda haruslah dibina dan dibentuk dengan watak dan keperibadian yang berfikiran seperti seorang juara. Maka saya percaya, bagi menjadikan impian ini suatu kenyataan, kerajaan akan menyalurkan RM100 ribu bagi program menggilap keseluruhan potensi generasi muda menerusi program PRO-SEED. Program ini bertujuan membentuk peribadi dan sahsiah diri yang unggul, dan memupuk nilai daya saing yang tinggi bagi mengukuhkan ekonomi keluarga.
269. Program PRO-SEED ini mensasarkan 440 orang pelajar sekolah rendah berumur 11 dan 12 tahun, di mana setiap Pejabat Pendidikan Daerah akan diwakili oleh 40 orang pelajar.

Kesemua peserta ini diperolehi daripada senarai keluarga *e-kasih* dan keluarga berpendapatan rendah.

Kesembilan: Program Transformasi Minda Insan 2019

270. Selain program PRO-SEED, kerajaan negeri akan melaksanakan Program Transformasi Minda Insan 2019 (PTMI 2019) yang mensasarkan golongan remaja dan belia berumur antara 15 hingga 17 tahun yang juga dalam kategori keluarga berpendapatan rendah. Kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM100 ribu untuk Program Transformasi Minda Insan yang akan memberi manfaat kepada 400 orang pelajar.
271. Program Transformasi Minda Insan 2019 ini bertujuan untuk menyedarkan para peserta tentang peranan serta tanggungjawab dalam meningkatkan ekonomi keluarga tanpa mengharapkan bantuan pihak lain. Dalam tempoh jangka panjang pula, Program Transformasi Minda Insan 2019 ini akan memberi nilai tambah dari segi memberi kesedaran tentang potensi diri yang perlu digilap dalam menggunakan pelbagai peluang yang ada untuk terus berjaya dalam kehidupan mereka pada masa depan.

Kesepuluh: Program Diriku Permata Berharga (DERMAGA)

272. Kerajaan negeri amat prihatin tentang gejala sosial yang semakin berleluasa sejak kebelakangan ini. Sehubungan dengan itu Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim akan menggerakkan jentera bagi memberi kesedaran dan kempen berkaitan kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja dan pelajar sekolah melalui DERMAGA. Program ini akan diperuntukkan sejumlah RM100 ribu dan diharapkan dapat melahirkan kelompok masyarakat prihatin yang berpengetahuan tentang kesihatan reproduktif atau implikasi kehamilan luar nikah.

Kesebelas: Program Jejak Golongan Sasar Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim

273. Bagi meningkatkan Indeks Kesejahteraan Keluarga Negeri Johor yang melibatkan tujuh domain utama iaitu pendidikan, ekonomi, kesihatan, keakraban keluarga, keselamatan, kerohanian dan hubungan komuniti, kerajaan negeri melalui Yayasan Pembangunan

Keluarga Darul Ta'zim akan melaksanakan Program Jejak Golongan Sasar di bawah yayasan ini yang melibatkan peruntukan sebanyak RM100 ribu.

274. Program ini membolehkan kerajaan dapat menyalurkan segala maklumat dan perkhidmatan secara terus kepada rakyat khususnya kepada golongan sasaran iaitu Orang Kelainan Upaya, ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah. Program ini juga akan menekankan penyelesaian terhadap permasalahan rakyat dan mendekati diri kepada masyarakat.

Kedua belas: Menaiktaraf Rumah Perlindungan Kanak-kanak (RPKK)

275. Kerajaan negeri juga sedar kepentingan bagi melindungi kanak-kanak yang terlibat dengan kes pengabaian dan penderaan di negeri ini. Justeru itu, RM1 juta akan diperuntukkan bagi menaiktaraf Rumah Perlindungan Kanak-kanak negeri Johor agar kapasiti dan keselesaan kanak-kanak yang mendiaminya dapat dipertingkatkan. Ini amat penting bagi menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan fizikal, emosi serta mental kanak-kanak yang kurang bernasib baik.

Ketiga belas: Menghakupaya dan Membela Nasib Gelandangan

276. Kerajaan negeri dengan kerjasama Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri Johor (GLC), Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Perbadanan Usahawan Johor melalui program dan usaha Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) akan melaksanakan inisiatif baharu untuk membantu golongan gelandangan di negeri Johor. Bagi tujuan tersebut, sebuah bangunan khas akan diwujudkan untuk melaksanakan sistem sokongan yang komprehensif dalam usaha untuk membantu golongan ini mendapatkan tempat perlindungan yang selesa dengan peruntukan permulaan sebanyak RM500 ribu.
277. Bangunan ini akan dijadikan sebagai Pusat Sehati untuk membolehkan mereka mendapat pelbagai bantuan termasuk sesi pendidikan, bengkel kemahiran dan peluang pekerjaan. Selain itu, ia akan dijadikan pusat pengumpulan barang bantuan dan bantuan makan minum serta tempat berteduh sementara kepada golongan tersebut.

Keempat belas: Konvensyen Hala Tuju Bumiputera Johor

278. Kerajaan Negeri Johor buat pertama kalinya akan menganjurkan Konvensyen Hala Tuju Bumiputera Johor yang akan menjadi platform kepada semua pihak berkepentingan untuk memacu bumiputera ke arah Bangsa Kelas Pertama dan berdaya saing khususnya dalam bidang pendidikan, ekonomi dan keusahawanan. Bagi tujuan penyelidikan dan pelaksanaan gerak kerja bersama pihak-pihak berkepentingan, kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak RM500 ribu.

Kelima belas: Peruntukan bagi Masyarakat India

279. Bangsa Johor adalah bersifat keterangkuman. Semuanya perlu pembelaan dari pihak kerajaan. Sebab itulah, Kerajaan negeri amat prihatin terhadap keperluan masyarakat India dan Cina. Sehubungan dengan itu, bagi mengupayakan tahap hidup masyarakat India, kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak RM3 juta; dengan anggaran RM1 juta untuk bantuan kebajikan, RM500 ribu bagi program keusahawanan dan RM1.5 juta untuk membaikpulih Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Keenam belas: Peruntukan Bagi Masyarakat Cina

280. Seterusnya, kerajaan negeri juga akan memperuntukkan sebanyak RM3.5 juta kepada masyarakat Cina; iaitu sebanyak RM1.5 juta bagi tujuan kebajikan, RM1.5 juta bagi tujuan membaikpulih Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), lapan (8) buah Sekolah Menengah Persendirian Cina dan RM500 ribu bagi Kolej Universiti Selatan.

Ketujuh belas: Memperkukuhkan Peranan NGO

281. Kerajaan negeri sedar pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) menjadi nadi penggerak aktiviti sosial dan sukarelawan yang sangat penting. Sebagai menghargai pergerakan aktif dan progresif dalam menghakupayakan rakyat, kerajaan negeri akan meneruskan pemberian geran sebanyak RM5 juta bagi menggerak dan memperkasa peranan pelbagai NGO di Johor.
282. Kerajaan negeri melalui Kumpulan Prasarana Rakyat Johor akan membantu membiayai projek-projek kecil di seluruh Johor dengan menyumbang sejumlah RM10 juta untuk membina tiga buah Dewan Serbaguna.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

TERAS KELIMA: MEMODENKAN SISTEM PENDIDIKAN ISLAM, MODAL INSAN DAN WARISAN BUDAYA

283. Kerajaan Negeri Johor akan terus menggerakkan pembangunan modal insan khususnya menerusi program pendidikan dan latihan. Ia bertujuan untuk meningkatkan keupayaan golongan belia, kemahiran keusahawanan, teknologi baharu dan kemahiran menghadapi masalah sosial dan bencana alam. Pembangunan modal insan menjadi antara teras utama dasar pembangunan negeri dengan mengadakan pelbagai langkah untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan pendidikan dan sumber manusia, sains dan teknologi, daya saing ekonomi, globalisasi perdagangan, pembangunan sektor perkhidmatan, nilai dan etika dan perpaduan nasional. Pembangunan modal insan juga melibatkan penyusunan semula guna tenaga selaras dengan matlamat yang digariskan khususnya yang berkaitan populasi, guna tenaga, kesihatan, pendidikan, dan perancangan latihan.

Di bawah teras keempat ini, agenda yang diberi keutamaan adalah **MEMARTABATKAN PENDIDIKAN ISLAM** di Johor.

284. Pada tahun ini, kita menyambut 100 tahun usia pendidikan Islam di Johor. Kerajaan negeri amat menitikberatkan agenda pembangunan modal insan menerusi sistem pendidikan agamanya. Generasi muda perlu dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran dan diperkukuh dengan akhlak terpuji dan nilai murni.

285. Aspek akhlak, budi pekerti, integriti, beretika dan amanah adalah komponen yang amat penting dalam membina Bangsa Johor Bestari dan mencapai kemajuan ekonomi yang berprestasi tinggi. Sehubungan itu, kerajaan negeri memberi fokus untuk meningkatkan pendidikan Islam di Johor bagi melahirkan rakyat berakhlak baik yang berlandaskan Al-Quran dan Sunnah.

Pertama: Pelaksanaan Projek Pendidikan Islam Digital Negeri Johor

286. Bagi memperkasa sistem pendidikan Islam, inisiatif digital dan moden telah dirancang dan bakal dilaksanakan untuk mengembangkan pendidikan Islam secara strategik dan meluas di Johor. Peruntukan dana sebanyak RM1.7 juta akan dilaksanakan dengan kerjasama untuk memperkasa pendidikan Islam secara digital terutama sekali bagi masyarakat Islam di Johor.

Mendukung Aspirasi Pendidikan Rakyat

287. Kerajaan negeri juga menerusi beberapa agensi dan pihak Yayasan terus memainkan peranan di dalam membantu Bangsa Johor khususnya mereka dari golongan B40 untuk menerima bantuan pembiayaan kos pelajaran menerusi pemberian biasiswa, pelaksanaan tuisyen, pemberian insentif dan pinjaman. Secara khususnya perancangan Kerajaan Negeri Johor adalah seperti berikut;

i) Biasiswa Sultan Ibrahim

288. Bagi pembiayaan dana untuk pelajar cemerlang, pada tahun 2019, pihak Yayasan Sultan Ibrahim akan memperuntukkan dana sebanyak RM300 ribu dengan mensasarkan sekurang-kurangnya 20 orang mahasiswa yang memperolehi keputusan cemerlang kelas pertama di peringkat ijazah sarjana bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Inisiatif ini akan digerakkan oleh Yayasan Pelajaran Johor.

ii) Biasiswa Kenangan Dato' Onn

289. Antara matlamat utama pendidikan ialah menghasilkan masyarakat berilmu yang mampu keluar daripada garis kemiskinan. Sehingga kini, masih ramai anggota masyarakat yang terbatas dalam mengakses dan memperolehi pendidikan yang berkualiti. Hal ini disebabkan kos pendidikan semakin meningkat, ditambah dengan kenaikan kos sara hidup.
290. Kerajaan Negeri Johor amat prihatin dengan memberikan Biasiswa Kenangan Dato' Onn bagi membantu murid sekolah menengah yang cemerlang daripada kalangan keluarga miskin. Sejumlah dana RM600 ribu diperuntukkan untuk inisiatif ini dengan diterajui oleh

Yayasan Pelajaran Johor dengan mensasarkan 900 orang pelajar sekolah menengah. Pemberian biasiswa kepada murid sekolah menengah yang cemerlang dengan memenuhi syarat seperti berikut:

- I. Pendapatan ibubapa/ penjaga kurang RM3,000 sebulan.
- II. Pelajar Tingkatan 1 yang memperolehi keputusan 3A dalam UPSR.
- III. Pelajar tingkatan 2-6 dengan pencapaian minimum 60 peratus dalam peperiksaan.

iii) Tuisyen SPM

291. Kerajaan negeri percaya sistem persekolahan sedia ada adalah berkualiti dan memenuhi piawaian pendidikan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun pelaksanaan tuisyen yang dicadangkan adalah khusus untuk membantu pelajar yang akan menghadapi peperiksaan SPM. Kumpulan sasaran dan fokus diberikan kepada pelajar daripada keluarga yang kurang berkemampuan.
292. Dijangka seramai 2,500 pelajar akan menerima manfaat ini. Inisiatif ini digerakkan oleh Yayasan Pelajaran Johor dengan peruntukan sebanyak RM300 ribu.

iv) Tuisyen E-Learning

293. Pembelajaran secara elektronik atau *e-learning* merupakan kaedah popular masa kini. Justeru itu kerajaan negeri bersedia memperuntukkan dana sebanyak RM200 ribu untuk merealisasikan hasrat ini.
294. Yayasan Pelajaran Johor akan mengetuai inisiatif ini dengan mensasarkan seramai 2,700 orang pelajar.
295. Antara tujuan utama program ini adalah menggalakkan pembelajaran secara digital dan membantu pelajar dalam pembelajaran lebih berkesan dengan penggunaan e-learning secara sistematik.

v) Pengkayaan Bahasa Inggeris

296. Meningkatkan keupayaan bahasa Inggeris tidak bermakna kita membelakangkan bahasa Malaysia tetapi ia sebagai nilai tambah dan pelengkap kompetensi pelajar.

297. Oleh yang demikian, kerajaan negeri akan memperuntukkan RM200 ribu bagi melaksanakan program untuk membantu mewujudkan budaya bahasa Inggeris di sekolah.

298. Usaha ini akan diterajui oleh Yayasan Pelajaran Johor dengan sasaran 200 pelajar sekolah.

vi) Pinjaman Pelajaran Yayasan Pelajaran Johor

299. Pinjaman bagi melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi ini akan digerakkan oleh Yayasan Pelajaran Johor dengan dana sebanyak RM20 juta. Pinjaman ini akan diberikan kepada pelajar yang memohon dengan maklumat yang lengkap, berkecukupan. Pinjaman ini akan memanfaatkan sekitar 3,000 orang mahasiswa seluruh Institusi Pengajian Tinggi.

vii) Dana Didik Harapan Johor

300. Kerajaan negeri amat prihatin terhadap generasi muda khususnya berkaitan dengan kewangan dan masa depan. Apa yang kita tanam pada hari ini akan kita tuai pada masa depan. Justeru, saya mencadangkan sikap menabung perlu dipupuk sejak kecil lagi agar keperluan pendidikan dan sebagainya akan dapat dipenuhi dengan baik. Dengan ini, saya melancarkan Dana Didik Harapan Johor dengan modal awal sebanyak RM100 ribu yang akan diterajui oleh Yayasan Pelajaran Johor dalam tempoh pelaksanaan mulai 2019. Dana ini mensasarkan sejumlah 2,000 bayi yang mana setiap orang akan disuntik dalam akaun mereka sebanyak RM50 seorang. Inisiatif ini dibuat bertujuan untuk membantu mendidik sifat menabung dalam kalangan masyarakat sejak kecil lagi. Inisiatif ini melibatkan penerima manfaat adalah bayi dalam kalangan keluarga berpendapatan sederhana. Mereka akan menerima manfaat pada usia mereka 18 tahun.

viii) Mahasiswa Anak Johor

301. Kerajaan negeri menyokong dan menyediakan dana untuk Mahasiswa Anak Johor melaksanakan aktiviti mereka melalui persatuan-persatuan yang disertai. Dana ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kepimpinan mahasiswa Johor dalam menghadapi

masa depan. Inisiatif ini akan diterajui oleh Yayasan Pelajaran Johor dengan dana sebanyak RM500 ribu dan mensasarkan 21 persatuan mahasiswa.

ix) Karisma Ta'zim

302. Ketrampilan mahasiswa tidak diukur hanya dalam pencapaian akademik semata-mata, tetapi juga kebolehan dalam bukan akademik khususnya pencapaian dalam kokurikulum dan kepimpinan. Justeru kerajaan negeri melaksanakan program Karisma Ta'zim bagi membantu meningkatkan tahap kemahiran kepimpinan mahasiswa serta melatih mahasiswa menjadi fasilitator program. Program ini diterajui oleh Yayasan Pelajaran Johor dengan peruntukan dana sebanyak RM200 ribu dan mensasarkan seramai 300 mahasiswa.

x) Mahasiswa Harapan Johor

303. Inisiatif ini dilaksanakan bagi membantu untuk mengeratkan hubungan mahasiswa Johor dengan masyarakat, serta membantu kaedah untuk menaikkan taraf hidup dan budaya pemikiran masyarakat.

304. Dana sebanyak RM1 juta diperuntukkan bagi tujuan ini dan diketuai oleh Yayasan Pelajaran Johor dengan mensasarkan seramai 250 mahasiswa. Inisiatif ini bertepatan dengan hasrat menjadikan mahasiswa sebagai penggerak kepada Johor berprestasi tinggi, bangsa Johor bestari.

xi) Gerak Kerja Universiti Johor

305. Kerajaan negeri telah mewujudkan sebuah Jawatankuasa Induk yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Negeri Johor. Jawatankuasa Induk ini akan dibantu oleh sebuah Jawatankuasa Teknikal yang dianggotai oleh jabatan-jabatan berkaitan bagi menggerakkan inisiatif penubuhan Universiti Johor dengan peruntukan awal bagi tujuan kajian sebanyak RM500 ribu. Kerajaan negeri akan meneliti untuk menaiktaraf atau menggabungkan Kolej Yayasan Pelajaran Johor dan Kolej Pengajian Islam Johor. Inisiatif penubuhan Universiti Johor merupakan salah satu janji yang terdapat dalam Manifesto Pakatan Harapan Johor.

306. Kerajaan Negeri Johor memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta bagi menyokong usaha kerajaan persekutuan untuk memperkasa pendidikan di negeri Johor. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor adalah sebagaimana berikut:

- i. Program Pembangunan Karakter Murid Johor yang merangkumi bidang kokurikulum seperti aspek kepimpinan, kompetensi dan sahsiah murid dan melibatkan 80 peratus daripada jumlah keseluruhan jumlah murid di negeri Johor.
- ii. Program kolokium Pendidikan Abad ke-21 akan dilaksanakan bersama warga pendidik dan pelajar di negeri Johor.
- iii. Program mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar khususnya kepada pembentukan modal insan di peringkat global, program Karnival Antarabangsa Bahasa Inggeris yang akan melibatkan seramai 3,000 orang murid di seluruh negeri Johor.
- iv. Program memperkasakan latihan pendidikan teknik dan vokasional (TVET).
- v. Program kepimpinan murid Johor berkualiti tinggi (JSLC).

307. Kerajaan negeri juga akan turut memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi bantuan membaikpulih sekolah-sekolah kebangsaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

308. Seterusnya, agenda di bawah **TERAS DEMOKRASI DINAMIK DAN KESAKSAMAAN SOSIAL** adalah **MENJULANG ILTIZAM ANAK MUDA.**

309. Kerajaan Negeri Johor sedar betapa pentingnya sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh golongan belia dalam menjayakan pembangunan negeri Johor. Malah, golongan belialah yang telah memberi sokongan yang kuat kepada Kerajaan Negeri Pakatan Harapan dalam PRU-14 yang lalu. Mereka wajar diberikan perhatian yang tinggi agar mampu mengembangkan potensi diri dan meneroka pembangunan diri. Justeru, Kerajaan Negeri Johor komited untuk melahirkan golongan belia dan anak muda Johor yang akan menyumbang kepada negeri pada masa depan.

Pertama: Kepimpinan Muda Johor

310. Generasi muda hari ini adalah pemimpin masa depan. Anak-anak muda inilah yang akan menggantikan kita sebagai pemimpin masa depan yang komited, dedikasi dan berketerampilan. Atas keprihatinan tersebut, saya mengesyorkan agar kerajaan negeri menggerakkan inisiatif untuk meningkatkan tahap kemahiran kepimpinan pelajar di negeri Johor. Tanggungjawab besar ini akan digalas oleh Yayasan Pelajaran Johor dengan dana yang diperuntukkan sebanyak RM200 ribu dengan sasaran seramai 300 pelajar. Program kepimpinan ini diharap dapat mencungkil bakat kepimpinan dan membentuk barisan kepimpinan Johor pada masa depan.

Kedua: Mewujudkan ADUN Belia Johor

311. Selaras dengan inisiatif di peringkat Kementerian Belia dan Sukan, Kerajaan Negeri Johor juga bercadang mengambil inisiatif melatih barisan kepimpinan muda dalam program ADUN Belia Johor melalui Institut Integriti Kepimpinan dan Latihan Semangat Dato' Onn (IKLAS). Dengan ini, ia boleh menjadi barisan pelapis kepimpinan negeri Johor pada masa depan.
312. Kerajaan negeri juga berusaha untuk memperkasa **PEMBANGUNAN MODAL INSAN**. Antara strateginya termasuklah:

Pertama: Penjenamaan Unit Strategik Modal Insan Negeri Johor (SMI)

313. Pembangunan modal insan adalah salah satu faktor dalam menjana dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi Johor. Bagi menerajui ekosistem pembangunan modal insan Johor, tahun 2019 memperlihatkan penjenamaan unit khusus di bawah kerajaan negeri yang bertanggungjawab dalam mengkoordinasi pembangunan modal insan Johor kepada nama yang lebih dinamik dan mudah ditafsir iaitu **Unit Strategik Modal Insan Negeri Johor (SMI)**. Penjenamaan ini turut mengambil kira penelitian halatuju yang lebih berfokus dan komprehensif.
314. Penambahbaikan Unit Strategik Modal Insan Johor akan menumpukan kepada pemeriksaan kapasiti unit ini sebagai tunggak utama menerajui ekosistem pembangunan modal insan Johor, pemilikan data berkaitan peluang dan penawaran pekerjaan; serta

pemeriksaan kerjasama awam-swasta (*public-private-partnership*) dalam pengaliran maklumat yang tepat dan boleh diguna pakai.

Kedua: Memperkenalkan Program Sinergi Industri Bagi Memperkasa Jaringan *Public-Private-Partnership* Dalam Menyediakan 200 ribu Peluang Pekerjaan Berkualiti Kepada Rakyat Johor.

315. Kerajaan Negeri tidak mampu bergerak bersendirian dalam memacu ekonomi negeri dan menyediakan peluang pekerjaan. Jalan terbaik dalam hal ini ialah dengan memperkasa jaringan *public-private-partnership* dengan pihak industri.
316. Ia juga memperkukuh hubungan sinergi dan kerjasama antara sektor swasta dengan awam terutama dalam usaha mewujudkan 200 ribu peluang pekerjaan berkualiti dan berkemahiran. Selain itu, ia mampu menyumbang kepada kemajuan negeri melalui perkongsian kepakaran, ilmu dan amalan sebenar industri kepada umum serta mempromosikan industri sebagai hub modal insan.
317. Untuk melaksanakan sinergi kerajaan-industri dalam penjanaaan pekerjaan yang berkualiti kepada rakyat Johor, maka dana RM200 ribu diperuntukkan dengan Unit Strategik Modal Insan (SMI) menerajui inisiatif ini. Sehubungan itu, SMI akan merancang beberapa siri program di seluruh daerah seperti konvensyen modal insan, siri dialog bersama industri dan penganjuran seminar modal insan, hasil kolaborasi bersama para pemain industri dan universiti dalam negeri Johor. Unit Swadaya juga telah dijenamakan menjadi Unit Strategik Modal Insan untuk memacu pembangunan modal insan di Johor.
318. Bagi memastikan negeri Johor bergerak seiring dengan perubahan dan meningkatkan keupayaan bakat tempatan untuk pasaran kerja dalam sektor industri semasa sebuah jawatankuasa bakat industri 4.0 akan ditubuhkan dan akan diterajui oleh Unit Strategik Modal Insan. Jawatankuasa ini berperanan untuk membincangkan tentang strategi bentuk kerjasama antara kerajaan, rakyat dan industri.

Ketiga: Tabung Latihan Kemahiran

319. Kerajaan negeri maklum peri pentingnya program latihan dalam membantu meningkatkan tahap pengetahuan, kemahiran dan mengubah sikap pekerja agar selari dengan

keperluan semasa industri. Oleh itu, kerajaan negeri sentiasa menyokong dan membantu perkembangan diri melalui proses latihan dan pembangunan.

320. Sehubungan itu, kerajaan negeri memperuntukkan dengan dana sebanyak RM700 ribu untuk tabung latihan bagi membantu mengurangkan kos latihan dan pinjaman pelatih. Dana ini akan digerakkan oleh Yayasan Pelajaran Johor dan mensasarkan 350 pelatih. Tabung latihan ini diharap dapat memberi manfaat kepada pelatih yang mengikuti kursus kemahiran dalam pelbagai bidang yang diperlukan oleh industri Johor.

Keempat: Mempregiat Program Penempatan Pakar Industri Di Pusat-pusat Latihan Kemahiran di Seluruh Negeri Johor

321. Kerajaan negeri merancang melaksanakan program penempatan pakar industri di pusat-pusat latihan kemahiran di seluruh negeri Johor. Program ini dijangka berlakunya pemindahan pengetahuan teknikal yang baru oleh peserta *train-the-trainer* kepada pelatih tempatan agar dapat meningkatkan keupayaan tenaga pengajar di institusi TVET dan seterusnya dapat meningkatkan pemahaman pelatih terhadap teknologi terkini yang digunapakai dalam industri.
322. Pelaksanaan program mengambil contoh pendekatan Industrial Cooperation Working Group (ICWG) kerjasama antara Kerajaan Malaysia melalui MIDA dan juga Singapura melalui Economic Development Board (EDB) yang dilaksanakan pada tahun 2016/2017.
323. Sebagai pulangan, peserta tersebut setelah tamat latihan haruslah melakukan pemindahan kepakaran serta pengetahuan kepada 30 tenaga pengajar yang lain melalui bengkel perkongsian dan pemantauan oleh rakan daripada industri berkaitan.

Kelima: Menjenama Program Pembangunan Kemahiran Kepada Johor Upskilling & Reskilling

324. Kerajaan Negeri Johor amat prihatin tentang pembangunan dan peningkatan kemahiran dan kebolehsaingan dalam kalangan pekerja. Juteru kerajaan negeri menjenama program pembangunan kemahiran kepada Johor upskilling & reskilling. Tujuan utama program ini adalah untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja sedia ada untuk mendapat peluang tawaran pekerjaan yang lebih baik dengan gaji yang lebih kompetitif.

325. Sehubungan dengan itu dana berjumlah RM1.5 juta diperuntukkan kepada Unit Strategik Modal Insan untuk inisiatif tersebut. Sasaran program adalah kepada tujuh sektor tumpuan industri di negeri Johor melalui latihan kemahiran dibiayai melalui belanjawan pembangunan dengan maksimum kos seorang adalah RM6 ribu.

Keenam: Program Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)

326. Dalam pembangunan modal insan, pihak kerajaan persekutuan mengambil berat untuk memperkasa program pendidikan berasaskan pendidikan, kemahiran dan kompetensi. Justeru, program STEM dan TVET menjadi keutamaan dalam bidang pendidikan untuk melahirkan modal yang berpengetahuan, berkemahiran dan kompeten yang memenuhi keperluan industri.
327. Bagi menjayakan program STEM suatu peruntukan belanjawan permulaan sebanyak RM250 ribu diperuntukkan oleh kerajaan negeri pada tahun 2019. Aktiviti utama program STEM adalah menganjurkan kem atau bengkel yang berkaitan STEM di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti di Johor. Pihak kerajaan negeri akan menjalinkan kerjasama bersama pihak kerajaan persekutuan menerusi Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim bagi melaksanakan lebih banyak inisiatif bagi menggalakkan minat para pelajar terhadap bidang-bidang yang saya nyatakan di atas.

Ketujuh: Penubuhan Majlis Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Johor

328. Ia menjadi sebuah Pusat Sehati bagi mensinergikan semua program melibatkan STEM, inovasi dan pendigitalan di peringkat daerah dan negeri Johor supaya memberikan impak yang lebih tinggi selaras dengan pelaburan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Johor. Antara inisiatif di bawah majlis ini adalah **Geran Padanan SIRIM - Fraunhofer berjumlah RM2 juta** untuk menjalankan audit teknologi dan menaiktaraf produktiviti 10 syarikat PKS.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

329. Kerajaan Negeri Johor menjalankan dasar pembangunan yang bersepadu dan seimbang, yang menekankan tentang budaya. Justeru kita mempunyai dasar untuk **MEMPERTEGUH WARISAN BUDAYA**. Antara strateginya termasuklah:

Pertama: Panggung Warisan Budaya

330. Ke arah untuk meningkatkan warisan seni budaya, kerajaan negeri menerusi Yayasan Warisan Johor akan mewujudkan laman seni untuk mengangkat hasil karya penggiat seni dengan mempamerkan dan membawa budaya kreatif Johor ke peringkat yang lebih tinggi. Bagi tujuan ini, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM100 ribu.
331. Inisiatif ini akan mempromosi warisan budaya Johor yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kepada para pelancong. Demografi ini akan mempamerkan terjemahan sebenar kepada Muafakat Bangsa Johor untuk dipersembahkan ke seluruh dunia. Para pelancong akan dapat merasai peluang belajar sambil berhibur tentang sejarah Johor dengan santai, informatif dan artistik.

Kedua: Festival Seni Budaya Johor

332. Sebuah Festival Seni Budaya Johor akan dilaksanakan sepanjang tujuh hari dengan pengisian pelbagai aktiviti seni dan budaya negeri Johor. Festival ini melibatkan semua lapisan masyarakat dan meliputi pelbagai kaum. Aktiviti-aktiviti utama yang menjadi pengisian program bagi festival ini termasuklah Festival Makanan Johor Food, Bengkel Interaktif Seni, Jelajah Seni, Busana Johor, Festival Hujung Medini, dan Festival Tari Rakyat Johor. Di samping itu, pelbagai lagi aktiviti berkaitan seni dan budaya akan diadakan sepanjang Festival Seni Budaya Johor ini dilaksanakan.
333. Festival Seni Budaya Johor akan melibatkan semua agensi yang berada di bawah Portfolio Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan Negeri Johor. Ini sekali gus akan dapat memberikan nilai tambah serta impak yang lebih besar berkaitan seni budaya Johor; dan kepada khalayak penonton yang lebih luas.

Ketiga: Pemuliharaan Bangunan-bangunan Warisan

334. Bagi memastikan bangunan-bangunan warisan di negeri Johor dipelihara rupa bentuk dan seni rekanya, Kerajaan Negeri Johor prihatin untuk melaksanakan Pemuliharaan Bangunan-bangunan Warisan. Sehubungan dengan itu, ia melibatkan kerja-kerja penyelidikan dengan anggaran kos RM200 ribu. Kerajaan negeri mensasarkan untuk mewartakan 10 tapak dan bangunan bersejarah dalam masa setahun.

Keempat: Jelajah Warisan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895

335. Sebuah program Jelajah Warisan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 akan diadakan oleh Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Johor. Program dibawah pembiayaan Jabatan Arkib Negara ini akan menjadi titik mula menyebarkan maklumat dan ilmu berkaitan intipati Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895. Bagi rakyat Bangsa Johor khususnya, program Jelajah Warisan ini akan menjadikan hubungan antara masyarakat dan pemerintah akan lebih akrab.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

TERAS KEENAM: MEMASTIKAN URUS TADBIR CEKAP, BERINTEGRITI DAN DEMOKRATIK

336. Sejak mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri Johor, Pakatan Harapan komited bagi memastikan pelaksanaan urustadbir yang cekap dan berintegriti. Ini amat penting untuk membolehkan kita mengenal pasti sejauhmana wang rakyat dibelanjakan dengan penuh berhemah, telus dan berintegriti. Kita tidak mahu wujudnya pembaziran wang rakyat, terutamanya perbelanjaan yang tidak berimpak untuk kesejahteraan rakyat. Berdasarkan latar belakang itulah, Kerajaan Negeri Johor pimpinan Pakatan Harapan ingin menunjukkan kelainan dan membuktikan pentadbiran kita lebih telus, profesional dan berintegriti.
337. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Johor komited untuk memperkasa urus tadbir yang cekap dan berintegriti demi menjayakan sistem penyampaian kerajaan yang mensejahterakan rakyat dan Bangsa Johor Bestari.

Keberkesanan Pengurusan Hasil Dan Kewangan

338. Di bawah pentadbiran Pakatan Harapan, Kerajaan Negeri Johor akan berusaha dengan sebaiknya untuk meningkatkan tahap keberkesanan pengurusan hasil dan kewangan.

339. Dalam pada itu, kerajaan negeri juga berusaha untuk **MENINGKATKAN HASIL NEGERI**. Antara usaha bagi penambahan hasil negeri adalah sebagaimana berikut:

Pertama: Penetapan Caj Pemajuan

340. Bagi meningkatkan hasil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kerajaan Negeri telah meluluskan Caj Pemajuan dimana ianya dikenakan jika suatu rancangan tempatan atau sesuatu pengubahan rancangan tempatan mengakibatkan suatu perubahan kepada penggunaan, ketumpatan atau luas lantai berkenaan dengan mana-mana tanah sehingga menaikkan nilai tanah itu.
341. Kerajaan Negeri telah menguatkuasakan Caj Pemajuan pada 1 Januari 2018 sebagaimana Warta Kerajaan J.P.U 67 – Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Johor 2018) bertarikh 23 November 2017.
342. Jumlah kutipan Caj Pemajuan yang akan dapat dikutip oleh semua PBT pada tahun 2019 adalah dianggarkan sebanyak RM25 juta. Hasil daripada Caj Pemajuan ini akan disalurkan semula dalam bentuk aktiviti pembangunan awam termasuk penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan awam yang memberi faedah kepada masyarakat di dalam kawasan PBT itu sendiri.

Kedua: Kadar Baharu Lesen Hiburan

343. Berdasarkan Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 1998, Kerajaan Negeri sehingga kini belum pernah membuat semakan semula terhadap kadar bayaran Lesen Hiburan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri kini sedang di dalam peringkat akhir proses semakan semula terhadap cadangan kadar baru bayaran Lesen Hiburan.
344. Selain daripada menyumbang kepada peningkatan hasil tambahan Kerajaan Negeri, semakan semula terhadap kadar bayaran Lesen Hiburan ini adalah selari dengan peredaran masa yang semakin moden dan canggih daripada aspek teknologi jika dibandingkan dengan 20 tahun yang lepas.
345. Bengkel dan kajian berkaitan Lesen Hiburan ini telah dilaksanakan yang melibatkan semua Pejabat Daerah di negeri Johor. Pelaksanaan kepada hasil semakan semula

kadar baru bayaran Lesen Hiburan dijangkakan akan mula dilaksanakan pada suku tahun ketiga 2019.

Ketiga: Kadar Bayaran Perkhidmatan Kepada Pentadbiran Tanah

346. Selain itu, kerajaan negeri juga di dalam proses untuk memuktamadkan pindaan bayaran permohonan dan kelulusan kebenaran pindahmilik / gadaian / pajakan tanah hartanah yang mempunyai sekatan kepentingan di Negeri Johor. Pindaan kepada bayaran ini kali terakhir dilakukan pada tahun 2005 iaitu kira-kira 13 tahun yang lepas. Setelah pindaan ini diluluskan, kerajaan negeri dijangka akan dapat meningkatkan lagi hasil sebanyak RM2 juta berbanding tahun 2017.

Keempat: Program Pengukuhan Perlombongan Sektor Mineral Negeri Johor

347. Antara skop pengukuhan yang menjadi fokus termasuklah penetapan dan pematuhan Prosedur Operasi Standard atau *Standard Operation Procedure* (SOP), dan semakan kadar kutipan royalti terhadap sektor perlombongan mineral dan bahan batuan, bagi memastikan kecekapan kutipan hasil negeri dan kelestarian alam sekitar terus terpelihara.

INSENTIF HASIL

348. Di samping itu, kerajaan negeri sedang meneliti semula pemberian Insentif Hasil untuk ditambah baik terutamanya dari segi penilaian kriteria. Penelitian semula adalah perlu dibuat supaya pemberian Insentif Hasil itu akan dapat menggalakkan semua jabatan pemungut hasil untuk memaksimumkan kutipan hasil agar anggaran hasil yang telah dibuat dapat dicapai.

PEREKAYASAAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI DAN INFORMASI (ICT)

349. Perkembangan ICT turut mempengaruhi sistem perkhidmatan awam dan swasta. Kualiti kerja menjadi suatu keutamaan. Apatah lagi kita berdepan dengan rakyat dengan memberi perkhidmatan yang sebaiknya. Kita perlu menggunakan teknologi ICT untuk memberikan perkhidmatan dengan cepat, cekap dan berkesan.

350. Kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi pembangunan sistem ICT untuk tahun 2019. Antara projek yang akan dilaksanakan ialah;

Pertama: Projek Pembangunan Sistem Rumah Impian Bangsa Johor (RIB-J)

351. Ia merupakan sistem pengurusan penawaran rumah di bawah projek Yayasan Sultan Ibrahim Johor (YSIJ). Sistem ini bertujuan untuk memastikan perancangan dan pemantauan projek-projek perumahan di bawah naungan YSIJ dapat dilaksanakan dengan cekap dan sejajar dengan dasar Kerajaan Johor serta memastikan permohonan dan penawaran perumahan kepada orang ramai yang berkelayakan dapat dilakukan dengan cekap dan cepat.

Kedua: Projek Pembangunan Sistem Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor (YKTLJ)

352. Ia bertujuan untuk membantu pihak yayasan dalam pengurusan bantuan kepada pejuang kanser selain memudahkan dan mempercepatkan kelulusan dibuat dan keputusan permohonan dikeluarkan dalam kadar segera dengan lebih cekap dan efisien.

Ketiga: Sistem e-Veterinar

353. Ia bertujuan memudahkan pengurusan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Johor untuk menambahkan pendapatan penternak tradisional, meningkatkan sumber genetik ternakan penternak tradisional, menggalakkan lebih ramai rakyat mengeluarkan dan menggunakan daging segar dan susu tempatan serta menggalakkan penternakan mesra alam dengan mengamalkan amalan penternakan yang baik.

Keempat: Bagi menyokong perkhidmatan kerajaan ini, kerajaan negeri akan menaiktaraf infrastruktur rangkaian di Pejabat Kerajaan Kota Iskandar

354. Dalam usaha menjadikan kerajaan Johor sebuah kerajaan elektronik, kemudahan infrastruktur rangkaian intranet dan internet akan dinaiktaraf. Ini termasuk meningkatkan kelajuan capaian sistem dan internet di kawasan pejabat-pejabat kerajaan, meningkatkan penggunaan sistem-sistem yang telah dibangunkan oleh kerajaan.

Kelima: Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling Secara Online (I-Psikologi)

355. Kerajaan Johor juga mewujudkan perkhidmatan psikologi dan kaunseling secara online (i-psikologi) khususnya untuk Perkhidmatan Awam Johor.

PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) BERPRESTASI TINGGI

356. Pembangunan ekonomi setempat, kepadatan penduduk dan peningkatan kenderaan di jalan raya telah menyebabkan permintaan yang tinggi terhadap laluan baharu dan alternatif. Dengan ini, saya mencadangkan penambahan laluan-laluan baru yang lebih efektif serta berdasarkan kepada permintaan yang tinggi oleh penduduk.

Pertama: Penyampaian Perkhidmatan PBT Secara Digital

357. Satu aplikasi mudah alih akan disediakan oleh Kerajaan Negeri Johor bagi semua urusan berkaitan PBT. Perkhidmatan ini merupakan salah satu inovasi perkhidmatan kerajaan melalui aplikasi integrasi peranti pintar. Ia juga menjadi agenda ketelusan dengan memuatnaik garis panduan, undang-undang kecil dan prosedur di dalam laman portal PBT. Secara tidak langsung, ia mampu mengurangkan tenaga kerja kaunter depan.
358. Kesemua inisiatif ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada rakyat apabila berurusan dengan PBT. Ia juga meningkatkan hasil PBT menerusi pelbagai pembayaran, meningkatkan tahap kecekapan dan produktiviti PBT, membina kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan digital kerajaan yang membudayakan penggunaan data dan penyampaian perkhidmatan secara terbuka dan telus.

359. Kerajaan negeri juga mengambil beberapa inisiatif untuk **MEMPERKASA PENTADBIRAN TANAH**. Antaranya termasuklah:

Pertama: Penyelesaian Permohonan Tanah

360. Setelah mengambil alih kerajaan, antara isu yang banyak dibangkitkan rakyat ialah penyelesaian permohonan tanah berkelompok. Justeru Pentadbiran Tanah Johor akan menyelesaikan permohonan tanah berkelompok ini secara berperingkat dan

mensasarkan menyelesaikan 5,767 permohonan yang melibatkan 9 buah daerah di Negeri Johor pada tahun 2019 sepertimana berikut:

- i) Johor Bahru – 391 pemohon meliputi Kampung Dapor Arang, Kampung Wawasan dan Kampung Sri Aman.
- ii) Batu Pahat – 262 pemohon meliputi Kampung Rahmat, Kampung Nawi Jaya, Kampung Haji Kamisan, Kampung Parit Terus, Kampung Parit Simis Darat dan kawasan Batu 10, Jalan Labis dan Jalan Sri Pasir.
- iii) Kluang – 1,129 pemohon meliputi Kampung Paya, Kampung Bukit Nyamuk, Kampung Haji Hamzah, kawasan PCM dan Mengkibol.
- iv) Segamat – 3,168 pemohon meliputi kawasan Padang Serian, Bukit Bujang, Felda Chemplak, Bekok dan Kampung Rawa.
- v) Kota Tinggi – 420 pemohon meliputi kawasan Tanjung Buluh dan Belukar Durian.
- vi) Mersing – 175 pemohon meliputi kawasan Felda Tenggaroh 1 dan Felda Tenggaroh 7.
- vii) Kulai – 75 pemohon meliputi Kampung Baru Air Bemban dan Kampung Baru Bukit Batu.
- viii) Tangkak – 62 pemohon di Kampung Hujung Tambak.
- ix) Pontian – 85 pemohon di Kampung Parit Haji Ahmad.

Bagi tujuan rekod, jumlah keluasan Tanah Rizab Melayu di Negeri Johor sehingga Oktober 2018 telah meningkat kepada 557,274 hektar berbanding 555,918 hektar pada Disember 2017.

Kedua: Memperkasa pengurusan Tanah Rizab Orang Asli

361. Bagi memperkasa pengurusan **Tanah Rizab Orang Asli**, maka terdapat inisiatif yang dinamakan Kerangka Penanda Aras dengan peruntukan sebanyak RM200 ribu. Melalui Kerangka Penanda Aras, perkara utama yang akan dinilai dan dilihat adalah berkaitan pengurusan tanah dan hak Orang Asli yang efisien dan berkesan seperti Australia dan *The Maori People of New Zealand* di mana mereka telah berjaya menghasilkan pakar yang sering dipanggil menjadi saksi profesional di dalam kes-kes yang melibatkan hak-hak Orang Asli.

Ketiga: Pindaan Cukai Tanah

362. Usaha ini akan dijalankan mulai awal 2019. Ini secara langsung dapat meningkatkan hasil kerajaan negeri, merangsang pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan kesejahteraan rakyat. Kerajaan akan mengenakan kadar cukai yang lebih sesuai mengikut keadaan, kegunaan dan keluasan tanah. Namun demikian, kerajaan negeri akan memastikan pindaan cukai tanah yang akan dilaksanakan nanti tidak akan membebankan golongan berpendapatan rendah khususnya dalam kalangan B40.

Keempat: Memperkasa Penyampaian Perkhidmatan Pentadbiran Tanah

363. PTG Johor juga terlibat menggunakan pendekatan *Delighting The Customer*. Salah satu inisiatif atas maksud pendekatan tersebut dengan pelancaran '**Approval Over Submission**' @ AOS' bagi urusan Permohonan Longgar Sekatan/Kebenaran Pindahmilik bagi hartanah yang mempunyai sekatan kepentingan.

364. Sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 5, Kanun Tanah Negara 1965, sekatan kepentingan adalah apa-apa batasan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri ke atas tanah milik tuan punya tanah untuk apa-apa urusan niaga, dan apa-apa batasan yang serupa yang dikenakan di bawah mana-mana undang-undang tanah terdahulu. Ia merupakan batasan atau sekatan ke atas hak istimewa tuan tanah bertujuan sebagai kawalan ke atas tanah tersebut dari segi perspektif kepentingan Pihak Berkuasa Negeri. Pendekatan yang julung kalinya dilaksanakan ini membolehkan mereka yang mengemukakan permohonan longgar sekatan akan menerima surat kelulusan pada hari yang sama tertakluk kepada syarat permohonan berikut:

- i. Permohonan pindahmilik rumah murah atau kos rendah yang telah mendapat kelulusan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Perumahan Johor.
- ii. Permohonan Pindahmilik Tanah melibatkan pindahmilik yang dibuat atas balasan kasih sayang di kalangan keluarga terdekat atau pertalian darah.
- iii. Permohonan pindahmilik secara '*personal*' tanpa melalui ejen atau firma guaman.

365. Ini merupakan satu usaha penambahbaikan Sistem Penyampaian oleh Pentadbiran Tanah Johor yang boleh ditawarkan kepada rakyat dalam kerangka mempertingkatkan sistem perkhidmatan awam demi kesejahteraan rakyat.

MEMPERKUKUH INTEGRITI DAN MEMPERTINGKATKAN PRESTASI PERKHIDMATAN AWAM

Pertama: Pelan Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

366. Kerajaan negeri komited menjayakan sistem tadbir urus yang cekap, profesional dan berintegriti. Sehubungan dengan itu, satu Pelan Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (2019-2021) akan digubal yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan tadbir urus dan akauntabiliti, di samping menetapkan hala tuju kerajaan negeri bagi meningkatkan kesedaran integriti.

Kedua: Program Pementapan dan Pengukuhan Integriti

367. Selain membangunkan Pelan Integriti, kerajaan berusaha mengukuhkan tahap kesedaran integriti dan kecekapan pengurusan. Justeru kerajaan negeri akan mengadakan seminar pengukuhan integriti bersama jabatan berisiko melibatkan kerjasama tiga agensi kerajaan iaitu Unit Integriti, Unit Audit Dalam dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Diharapkan program ini mampu memperkasa integriti dan tahap kecekapan penjawat awam negeri Johor.

Ketiga: Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN)

368. Dalam dunia pekerjaan masa kini, penggunaan ICT amat penting. Kita mahu meningkatkan kecekapan staf dan mempunyai integriti yang tinggi. Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri bersetuju untuk membangunkan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) yang bertujuan meningkatkan amalan terbaik dalam agensi dan staf perkhidmatan awam.

Keempat: Program Pengajian Sarjana Dalam Bidang Sains Kaunseling

369. Bagi meningkatkan tahap kompetensi penjawat awam, suatu program pengajian sarjana dalam bidang Sains Kaunseling untuk 15 orang Pegawai Tadbir Negeri Johor diadakan bersama Universiti Utara Malaysia dengan peruntukan sebanyak RM300 ribu.

INISIATIF KEBAJIKAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN

370. Kerajaan negeri juga akan meneruskan pemberian pinjaman tanpa faedah faedah perumahan kakitangan awam negeri dengan implikasi kewangan pada tahun 2019 berjumlah RM30 juta.
371. Seterusnya kerajaan negeri akan meneruskan kemudahan Program Takaful Penghospitan dan Pembedahan serta Program Takaful Kemalangan Diri Penjawat Awam Negeri Johor. Kemudahan ini dipanjangkan kepada kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri.
372. Bagi menjaga kebajikan kakitangan kerajaan, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM5 juta bagi kerja-kerja penyelenggaraan, pembaikan, menaiktaraf kuarters kerajaan seluruh negeri Johor.
373. Selain daripada itu, kerajaan negeri turut menyediakan peruntukan sebanyak RM4.5 juta bagi pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kecil jabatan kerajaan negeri di semua daerah negeri Johor.
374. Kerajaan Negeri juga menerusi Jabatan Agama Islam Johor memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta kos membaik pulih dan menyelenggara kuarters Jabatan Agama Islam di seluruh negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

375. Kerajaan Negeri pimpinan Pakatan Harapan amat bertuah memiliki barisan pegawai dan kakitangan awam yang berdedikasi dan komited baik diperingkat negeri mahupun daerah. Mereka juga telah membantu kelicinan proses peralihan kuasa dari kerajaan terdahulu kepada kerajaan Pakatan Harapan yang mana kerajaan negeri terus stabil.

376. Segala keringat dan usaha ikhlas kakitangan awam negeri yang telah melaksanakan amanah, seharusnya perlu dipertimbangkan untuk diberi pengiktirafan dan ganjaran agar usaha dan pengorbanan mereka lebih memberi manfaat buat ahli keluarga mereka. Ganjaran ini adalah insentif yang juga untuk memberi galakan kepada kakitangan awam agar terus berbakti dengan lebih cekap dan bermutu lagi.
377. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberikan bantuan khas kewangan kepada Kakitangan Kerajaan Negeri Johor dan Kakitangan Awam Persekutuan yang dibayar gaji oleh Kerajaan Negeri Johor dengan jumlah **RM 1,000** Bantuan khas kewangan ini akan dibayar pada minggu pertama Januari 2019.
378. Kerajaan negeri bersetuju untuk memberikan bantuan khas kewangan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri kepada Kakitangan Kerajaan Negeri Johor dan Kakitangan Awam Persekutuan yang dibayar gaji oleh Kerajaan Negeri Johor dengan jumlah **RM500**.
379. Bantuan khas kewangan ini akan dibayar menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun 2019.
380. Bantuan khas ini juga akan dipanjangkan kepada semua, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor, Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri, Yang Berhormat Timbalan Speaker Dewan Negeri, Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri Johor, Yang Berhormat Ahli Jumaah Majlis DiRaja Johor, Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri (SPAJ), Guru KAFA, Petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan Guru Tadika Islam Johor (TAJ).
381. Oleh itu, semua Penjawat Awam Negeri Johor akan menerima bantuan khas kewangan berjumlah **RM 1,500** pada tahun 2019.

PENUTUP

Yang Berhormat Tuan Speaker,

382. Sebelum mengakhiri pembentangan belanjawan ini, izinkan saya membuat beberapa rumusan yang berkaitan dengan tanggungjawab Kerajaan Negeri Johor bagi meneruskan

kelangsungan Johor sebagai sebuah negeri berprestasi tinggi yang menyumbang kepada pembangunan bangsa Johor yang bestari.

383. Pertama, Cabaran asas mengurus ekonomi adalah untuk memenuhi kehendak manusia yang tidak terhad berdasarkan sumber ekonomi yang terhad. Namun begitu, kita gagahi juga dengan menggunakan segala sumber yang ada secara optimum bagi meletakkan Johor sebagai sebuah kuasa ekonomi yang hebat di selatan tanah air dan juga Asia Tenggara.
384. Kedua, belanjawan ini bukan sahaja menekankan kepada kemampuan ekonomi, tetapi juga soal nilai dan keadilan saksama pembangunan serta pengagihan dalam kalangan rakyat. Kerajaan Negeri Johor berikrar bahawa pelaksanaannya kelak akan mengatasi kepentingan individu dan keluarga serta melepasi batas kaum, kepercayaan agama dan perbezaan ideologi politik.
385. Ketiga, belanjawan ini dijadikan sebagai panduan bagi menghadapi cabaran ekonomi yang tidak menentu serta saling berkaitan dengan perkembangan isu-isu global. Kami berjanji untuk membawa Johor ke arah negeri maju dan berprestasi tinggi bukan sahaja melalui sektor ekonomi yang dipacu oleh teknologi dan infrastruktur moden, mewujudkan peluang dan ekosistem perniagaan yang kompetitif, menyediakan peluang pekerjaan, perkhidmatan awam yang efisien, keselamatan dan ketenteraman awam, malah apa lebih utama ialah Johor akan mempunyai modal insan yang berkemahiran tinggi, yang progresif dengan berpegang pada budaya dan tradisi bangsanya.
386. Keempat, pembentangan Belanjawan 2019 ini berdasarkan suatu kajian yang dijalankan secara cermat, teliti dan strategik oleh pelbagai agensi kerajaan yang diterajui oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri dan Pejabat Kewangan Negeri.
387. Kelima, pembentangan Belanjawan 2019 ini mengadunkan pelbagai ramuan yang menggabungkan enam daripada lapan Teras Utama dalam Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030, Laporan Kajian Separuh Penggal RMK-11, Belanjawan Kerajaan Persekutuan 2019 dan Manifesto Pakatan Harapan di peringkat negeri dan persekutuan dan juga suara Bangsa Johor.

388. Justeru, saya secara peribadi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri Johor, yang telah memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada kepimpinan Kerajaan Negeri Johor pimpinan Pakatan Harapan. Tugas kita akan dituntaskan dalam langkah-langkah yang telah digariskan ini. Inilah cara Kerajaan Pakatan Harapan membalas kepercayaan rakyat.
389. Demikianlah pembentangan ucapan Belanjawan Johor 2019 dan saya sekali lagi menyeru agar sokongan, dokongan serta muafakat daripada semua pihak termasuk Bangsa Johor akan kekal kukuh. Marilah kita bersama-sama berganding bahu bagi memastikan agenda murni kerajaan ini akan tercapai. Semoga apa yang kita usahakan ini mendapat petunjuk dan keberkatan dari Allah SWT.
390. Saya juga ingin mengajak kepada semua pihak terutamanya Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri supaya menginsafi tentang pemimpin dan tanggungjawab kepimpinan. Kuasa bukan untuk bermegah-megah, kuasa adalah amanah untuk melunaskan janji kita kepada rakyat.

“Wahai orang-orang yang beriman!, janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah SWT dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah yang dipercayakan ke atas kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)”. (Surah Al-Anfaal: ayat 27)

391. Saya memohon kepada Allah yang Maha Esa agar diberi kekuatan, taufik dan hidayah untuk melaksanakan tanggungjawab yang digalas dengan sebaiknya, adil dan saksama demi rakyat negeri ini dan negara amnya. Kita juga memohon doa agar segala ikhtiar kita dimakbulkan semata-mata untuk mensejahterakan rakyat bangsa Johor.

*Bergelas-gelas kaca,
Dapat di isi air tebu,
Giat-giatlah membela bangsa,
Agar negeri kita terus maju.*

Yang Berhormat Tuan Speaker, dengan ini saya mohon mencadangkan.
Sekian terima kasih.

Wabillahi taufik wal hidayah, Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh dan Salam Sejahtera.